



● BIL 275 ● 16 - 22 OGOS 2024 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my

KENDERAAN BURUK

SAKIT MATA

D B K L

Seleweng akidah
➤➤ 9-11

Keaslian rimba jadi rebutan
➤➤ 14

Senja di beranda Masjid Jamek
➤➤ 17

DI SEBALIK keasyikan peminat melayan Konsert Datuk M. Nasir 45 Tahun Cipta di Axiata Arena, Bukit Jalil 10 Ogos lalu, lagu 'Allah Selamatkan Kamu' turut dinyanyikan khas buat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim (PMX) sempena ulang tahun kelahirannya yang ke-77.


Ribuan peminat yang terpucau dengan alunan merdu suara penghibur tersohor itu tidak melepaskan peluang untuk turut sama menyanyikan lagu tersebut buat PMX.

Tampil segar berbusana Melayu bersesuaian dengan tema konsert Pendekar dan Tradisional, M. Nasir mendengarkan lagu berkenaan usai selesai segmen pertama dan penukaran busana.

"Konsert hari ini turut dimeriahkan dengan kehadiran pemimpin negara. Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan hari ini merupakan hari ulang tahun beliau. Marilah kita sama-sama menyanyikan lagu buat beliau," ujar beliau.

Anwar hadir pada konsert itu dengan berbusana pahlawan berona coklat serta lengkap bertanjak. Hadir sama Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil dan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Sebagai tanda keberkatan hari ulang tahun Perdana Menteri, pulut kuning turut sama diberikan kepada Anwar usai lagu khas tersebut selesai berkumandang dan disusuli dengan tepukan gemuruh ribuan pengunjung.

Selepas upacara memotong pulut kuning itu, M. Nasir turut mendengarkan sebuah lagu yang didedikasikan khas buat bekas Ketua Biro Politik Hamas, As-Syahid Ismail Haniyeh yang terbunuh di Tehran pada 31 Julai lalu. 

'Allah Selamatkan PMX'



Wanita pertama dilantik sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur

MAIMUNAH TERAJU IBU NEGARA



DATUK Seri TPr Dr Maimunah Mohd Sharif dilantik sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur ke-15 menggantikan Datuk Seri PMgr Sr Kamarulzaman Mat Salleh berkuat kuasa mulai 15 Ogos 2024.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata pelantikan tersebut telah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim untuk dilantik sebagai Datuk Bandar Kuala Lumpur selaras dengan Subseksyen 4 (2), Akta Ibu Kota Persekutuan 1960.

"Saya percaya dengan pelantikan ini, beliau akan dapat meneruskan kesinambungan pengalaman dan sumbangan beliau untuk memimpin Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan penuh integriti bagi memastikan kemampunan pembangunan, kecemerlangan dan kegemilangan berterusan ke arah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang maju dan sejahtera.

"Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada Datuk Seri PMgr Sr Kamarulzaman Mat Salleh atas segala sumbangan dan kepimpinan beliau sepanjang menjawat jawatan

Datuk Bandar Kuala Lumpur," katanya dalam satu kenyataan baru-baru ini.

Datuk Seri TPr Dr Maimunah Mohd Sharif yang berusia 63 tahun berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (Perancangan Bandar) dari University of Wales Institute of Science and Technology, United Kingdom sebelum melanjutkan pengajian dalam Ijazah Sarjana Sains (Perancangan Bandar) di Universiti Sains Malaysia.

Beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai Pengarah Eksekutif United Nations Human Settlement Programme (UN-Habitat) yang berpusat di Nairobi, Kenya selama enam tahun dan merupakan wanita Asia pertama yang memegang jawatan tersebut.


Sebelum itu, beliau berkhidmat sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Seberang Perai serta pernah menjadi Presiden Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA).

Dengan pengalaman selama 39 tahun dalam perancangan bandar (*urban planning*), penjaan semula bandar (*urban regeneration*) dan pembangunan

yang diterajui komuniti (*community-led development*), beliau adalah individu yang bertanggungjawab mengembalikan kedudukan UN-Habitat sebagai peneraju pemikiran dalam perbandaran mampan.

Beliau juga pernah diberi tanggungjawab sebagai Pengerusi Bersama Secretary-General's Task Force on the Future Cities dan Pengerusi Bersama Local 2030 Coalition. Kini, beliau dilantik sebagai Penasihat kepada International Council for Local Environment Initiative (ICLEI).

Beliau telah menerima pelbagai pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti pengiktirafan sebagai Tokoh Perancang Bandar Malaysia oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Ahli Kehormat Royal Town Planner's Institute, United Kingdom; Felo Kehormat, United Cities of Local Government (UCLG) dan Ambassador of His Majesty King Charles III (King's Foundation) dalam perbandaran mampan di negara-negara Komanwel.

Beliau juga telah dianugerahkan Ijazah Kehormat Kedoktoran Alam Bina dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. 

DBKL terima banyak aduan setiap bulan

TELITI PINDA UNDANG-UNDANG

SYED HAZIQUE

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah merancang dan meneliti untuk berbincang berkaitan pindaan undang-undang berhubung masalah kenderaan buruk atau terbiar di Kuala Lumpur.

DBKL berkata perbincangan yang lebih teliti perlu dibuat kerana ia melibatkan peranan dan juga kerjasama dari agensi-agensi yang lain.

“Daripada segi peraturan ia adalah jelas, namun perlu lebih diperhalusi kerana bukan sahaja melibatkan DBKL tetapi turut melibatkan agensi lain dalam menangani isu ini,” katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Menurut DBKL, sebanyak 623 buah kenderaan buruk atau tersadai di sekitar Kuala Lumpur telah dikenakan tindakan tunda oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) tersebut sepanjang Januari hingga Jun tahun ini.

“Statistik tersebut melibatkan sebanyak 11 kawasan Parlimen yang terdapat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

“Seputeh mencatatkan jumlah tertinggi dengan 154 diikuti oleh Bandar Tun Razak sebanyak 122 serta Cheras (78).

“Antara kawasan lain ialah Wangsa Maju (54), Segambut (41), Bukit Bintang (37), Batu (35), Setiawangsa (34), Kepong (26) serta Lembah Pantai (21) dan Titivangsa (21),” ujarnya.

Walau bagaimanapun, DBKL menjelaskan situasi semasa mengenai perkara tersebut masih lagi terkawal.

“Situasi semasa berkaitan kenderaan buruk atau tersadai di Kuala Lumpur masih lagi terkawal.

“Pihak DBKL melalui Jabatan Penguatkuasaan sedang berusaha untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan kenderaan buruk atau tersadai ini.



NOTIS arahan mengalihkan kenderaan buruk dan tersadai kepada pemilik kenderaan merupakan salah satu usaha yang dilaksanakan DBKL.

“Aduan berkaitan mengenainya merupakan antara aduan yang banyak diterima oleh DBKL setiap bulan,” jelasnya.

Tambah DBKL, terdapat denda atau penalti yang akan dikenakan kepada pemilik-pemilik kenderaan terbiar ini.

“Bagi kenderaan yang diambil tindakan tunda terdapat beberapa caj yang dikenakan semasa dalam proses menuntut semula kenderaan mereka.

“Pemilik kenderaan akan dikenakan kompaun, denda tunda dan denda simpan perlu dijelaskan sebelum kenderaan mereka dilepaskan,” ujarnya.

Malah DBKL turut menyatakan bahawa kos bagi mengendalikan dan melupuskan kenderaan terbiar adalah tinggi.

“Kos-kos dalam menguruskan

kenderaan ini adalah tinggi kerana pihak DBKL perlu membeli kenderaan-kenderaan yang sesuai digunakan dalam menunda kenderaan-kenderaan tersebut.

“Selain itu, terdapat juga kes-kes kerja lebih masa yang perlu difikirkan kerana ada lokasi yang tidak boleh dimasuki pada hari biasa dan waktu siang,” katanya.

Dalam pada itu, DBKL berkata terdapat pelbagai sebab sesebuah kenderaan tersebut ditinggalkan sehingga menjadi usang dan terbiar.

“Antaranya ialah pemilik kenderaan sudah membeli kenderaan baru; kenderaan terlibat dengan kes jenayah serta kenderaan yang ditinggalkan setelah pemilik asal meninggal dunia dan tidak dijaga waris.

“Selain itu, terdapat juga sebab seperti kenderaan yang dihantar

ke bengkel tetapi tidak diambil semula oleh pemilik dan kenderaan lama disimpan kerana mempunyai nilai sentimental kepada pemilik kenderaan itu,” katanya.

DBKL menyatakan, berdasarkan pemerhatian PBT tersebut kenderaan terbiar atau ditinggalkan tersebut kebanyakannya didapati di kawasan perumahan.

“Berdasarkan hasil siasatan dan penelitian daripada aduan yang diterima, kebanyakan kenderaan buruk atau tersadai ini adalah di kawasan-kawasan perumahan.

“Faktor utama adalah seperti kenderaan itu rosak, pemilik sudah berpindah, kenderaan susah dapat alat ganti dan pelbagai lagi,” tegasnya.


DBKL juga menjelaskan pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran orang

awam mengenai isu tersebut.

“Buat masa kini, pihak DBKL telah kerap kali menguar-uarkan isu ini di media sosial selain berharap warga kota dapat memainkan peranan dan melupuskan kenderaan lama milik mereka dengan sukarela.

“Pihak komuniti boleh bekerjasama dengan DBKL bagi menangani isu ini selain memberikan aduan, mereka juga boleh menguar-uarkan kepada komuniti atau kalangan penduduk setempat bagi melupuskan kenderaan sendiri kenderaan terbiar,” ujarnya.

DBKL memberitahu terdapat empat saluran yang boleh digunakan orang awam untuk melaporkan kes-kes kenderaan terbiar tersebut.

“Saluran aduan yang diguna pakai pada kini adalah ADU@KL, telefon, alamat bersurat serta bersemuka,” katanya. 

Lambakan kereta usang menyusahkan

ISU lambakan kenderaan lusuh dan terbiar di kawasan sekitar bandar raya Kuala Lumpur terutamanya kawasan perumahan sudah lama membelenggu bukan sahaja pihak berkuasa tempatan (PBT) malah orang ramai termasuk penduduk setempat.

Difahamkan juga terdapat sebilangan usia kenderaan usang itu lebih ‘tua’ berbanding penghuni sesebuah kawasan perumahan.

Segelintir pemilik kenderaan dilihat membiarkan kenderaan lama mereka terbiar di lokasi awam seperti di petak parkir kawasan perumahan, bawah jambatan dan di tepi jalan.

Keadaan itu bukan sahaja memburukkan pemandangan tetapi juga menimbulkan masalah lain seperti kekurangan petak parkir, halangan lalu lintas malah menjadi tempat pembiakan makhluk perosak.

Malah jika diperhatikan kebanyakan kereta usang ini telah dicuri aksesori sekali gus membuatkan orang ramai ‘terseksa’ serta ‘sakit mata’ melihat kenderaan usang dibiarkan begitu sahaja.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) selaku badan penguat kuasa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mempergiatkan usaha menunda kenderaan buruk yang dibiarkan

tersadai terutamanya di lokasi-lokasi awam.

Reaksi balas seorang penghuni Projek Perumahan Rakyat (PPR), **Khaleeda Basharuddin** berkata kenderaan terbiar tersebut kebiasannya diletakkan di taman perumahan serta di bahu-bahu jalan serta mengganggu lalu lintas malah turut memberi kesan kepada alam sekitar.

“Kalau dilihat kebanyakan kenderaan usang ini banyak yang memakan ruang dan juga mengambil ruang-ruang parkir yang disediakan.

“Ia boleh menyumbang kepada kesesakan jalan dan mengganggu penghuni setempat, malah lagi

membimbangkan sesetengah kenderaan itu juga menjadi sarang untuk pembiakan nyamuk,” katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Walau bagaimanapun, Khaleeda turut menyatakan penghargaan kepada pasukan DBKL yang sering bekerjasama dengan penduduk setempat untuk menyelesaikan isu tersebut.


“Kita boleh lihat DBKL memandang serius berkenaan isu ini dan memudahkan urusan kami dalam membantu menunda kenderaan-kenderaan usang ini,” ujarnya.

Dalam pada itu, seorang pekerja

di syarikat swasta di ibu kota, **Muhammad Arif Yusry** berpendapat mentaliti orang ramai khususnya pemilik-pemilik kenderaan usang perlu diubah.

“Tahap kesedaran masyarakat masih kurang apabila ada yang ingin menyimpan kenderaan usang ini dengan pelbagai alasan termasuk kononnya ia mempunyai nilai sentimental.

“Kalau kita hendak melihat bandar raya Kuala Lumpur terus membangun dan maju, mentaliti seperti ini perlu dibuang.

“Kita perlu bekerjasama dalam memerangi kenderaan-kenderaan usang atau terbiar yang bukan sahaja mengganggu penglihatan, lalu lintas malah alam sekitar juga,” tegasnya. 



KHALEEDA



ARIF

Labuan terus jadi perhatian kerajaan

JAMIN KESEJAHTERAAN RAKYAT

KHAIRUL DIN

KERAJAAN terus kekal komited serta memberi perhatian bagi menangani pelbagai isu yang dibangkitkan oleh pihak berkepentingan di Labuan demi menjamin kesejahteraan rakyat dan meningkatkan ekonomi pulau tersebut daripada pelbagai aspek.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** menyatakan pegangan tersebut menerusi sesi perjumpaan bersama 150 wakil agensi kerajaan, pemimpin masyarakat, badan bukan kerajaan (NGO) dan warga Dewan-Dewan Perniagaan di Labuan, baru-baru ini.

Jelasnya pada sesi tersebut, pelbagai cadangan dan pandangan telah disuarakan oleh pelbagai pihak untuk diketengahkan dalam inisiatif Belanjawan 2025 akan datang.

"Dalam sesi perjumpaan itu, pelbagai pihak telah mengetengahkan idea dan cadangan positif mengenai cara untuk memacu ekonomi tempatan ke hadapan dan saya menerima maklum balas yang membina bagi meningkatkan ekonomi Labuan.

"Pandangan-pandangan ini tidak akan diabaikan begitu sahaja dan ia akan dimasukkan dalam cadangan Bajet 2025 nanti," kata beliau.

Zaliha berkata Belanjawan 2025



ZALIHA (tengah) ketika Sesi Libat Urus Inisiatif Belanjawan 2025 WP Labuan.

bagi Labuan pihaknya memfokuskan inisiatif pembangunan ekonomi, penambahbaikan kemudahan infrastruktur dan cadangan lain termasuklah pemindahan terminal feri ke tapak yang baharu.

Dalam perkembangan lain, Zaliha turut menyatakan jaminan bahawa isu gangguan bekalan elektrik yang

dihadapi oleh penduduk di pulau ini akan diatasi menerusi kerjasama dengan pihak Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Katanya, dengan jalinan kerjasama strategik antara TNB, SESB dan Perbadanan Labuan itu mampu merealisasikan pulau

bebas cukai sebagai pulau SMART (*Sustainable, Modern, Accessibility, Remarkable dan Transparency*).

"Saya dimaklumkan bahawa pengagihan tahunan Indeks Tempoh Masa Purata Gangguan Sistem (SAIDI) adalah pada kadar membaik dan *load shedding* juga semakin memulih berbanding tahun

lalu. Dengan indikator ini, gangguan bekalan elektrik di Labuan adalah dalam keadaan semakin terkawal.

"Tetapi masih memerlukan perhatian. Ini juga dibuktikan melalui penurunan kes aduan rakyat terhadap gangguan bekalan elektrik jika dibandingkan dengan tahun lalu," katanya.

Mengulas lanjut, bagi membantu meringankan beban penduduk di Labuan, kerajaan menerusi Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) telah melancarkan inisiatif MYGrocer@Wilayah.

"Inisiatif yang juga di bawah Program Usaha Jaya Insan (PUJI) itu telah mula beroperasi di 26 kampung sekitar Labuan sejak Jun lalu.

"Semasa lawatan kerja pertama saya ke Labuan pada Januari lalu, saya telah mengambil peluang untuk mendengar pandangan dan keluhan rakyat Labuan melalui Sesi Temu Rapat Dr Zaliha dan inti pati yang dibangkitkan pada sesi tersebut adalah terkait dengan isu kos sara hidup yang tinggi di Labuan.

"Sebagai penyelesaian jangka pendek pada ketika itu, saya telah meminta JWP dan PL untuk mengambil tindakan segera bagi mencari penyelesaian terhadap isu yang dibangkitkan," katanya. 📌

Tumpu keseimbangan kos sara hidup

MALAYSIA boleh menjadi negara berpendapatan tinggi sekiranya negara ini masih mengamalkan sistem ekonomi yang realistik, kata Penganalisis Politik dari Universiti Putra Malaysia (UPM), **Dr Syed Agil Alsagoff**.

Beliau berkata ia mampu direalisasikan dengan memberi tumpuan kepada perbelanjaan berhemah, subsidi bersasar dan mengeksploitasi sumber bidang ekonomi baru yang lebih mampan seperti gas asli, teknologi maju dalam bidang perindustrian, pemprosesan makanan dan sebagainya.

"Kerajaan juga harus menganjur atau memberi tumpuan terhadap keseimbangan kos sara hidup rakyat berbanding dengan kenaikan harga barangan yang mengundang defisit dan inflasi dalam ekonomi negara.

"Tumpuan juga haruslah diberikan kepada perijanaan bidang pekerjaan baharu kepada rakyat berdasarkan kepada kemahiran teknologi tinggi dan terkini, sama ada dalam bidang teknikal, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan sistem maklumat yang dapat bersaing di peringkat antara bangsa," ujar beliau.

Beliau turut berpandangan penyertaan lebih ramai rakyat tempatan dalam sektor-sektor penting negara bagi mengurangkan kebergantungan kepada jumlah pekerja dari luar juga akan menjimatkan perbelanjaan negara sekali gus meningkatkan penguasaan output keberhasilan produk dengan lebih cekap dan berkesan.

"Antara lain juga kerajaan harus menumpukan lebih banyak inisiatif meningkatkan eksport dagangan negara bagi mengurangkan jurang pendapatan negara berbanding pencapaian ekonomi negara-negara luar," ujarnya.

Terdahulu, media melaporkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Malaysia memerlukan penyelesaian dasar awam yang inovatif untuk mencapai sasaran menjadi negara berpendapatan tinggi.

"Ia berlaku ketika negara berada pada titik perubahan, menghadapi cabaran daripada kecerdasan buatan generatif (Gen AI), dinamik perdagangan global yang berubah, ekonomi iklim yang mendesak dan populasi yang semakin berusia.

"Untuk mencapai tahap ini, adalah penting untuk melaksanakan



MALAYSIA perlu penyelesaian dasar awam inovatif untuk mencapai sasaran negara berpendapatan tinggi. - Gambar hiasan

penyelesaian dasar awam yang inovatif yang mencerminkan nilai MADANI seperti kelestarian, kesaksamaan dan keterangkuman melalui kerjasama pelbagai pihak berkepentingan," ujar beliau ketika berucap secara maya di PRAXIS 2024 yang dianjurkan oleh Institut Kajian Strategik & Antarabangsa (ISIS).

Sebelum ini, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli berkata Malaysia boleh mencapai status negara berpendapatan tinggi mulai 2027 jika ekonomi negara berkembang

4.0 hingga 5.0 peratus setiap tahun dan ringgit mengukuh kepada sekitar RM4.20 berbanding dolar AS.

"Sekiranya sasaran tersebut dapat dicapai Malaysia juga dapat dilihat berpotensi menjadi kuasa ekonomi Asia atau seterusnya bangkit semula bergelar Harimau Asia.

"Dari segi kompleksiti, faktor tersebut bergantung kepada berapa banyak keluaran eksport dengan kemampuan negara untuk menjadi hub kewangan antarabangsa selain prestasi semasa Bursa Malaysia.

"Ketersediaan Malaysia dalam sektor-sektor ekonomi masa akan datang termasuklah dari segi kemampuan sektor tenaga, pertumbuhan pesat data dan pengeluaran cip elektronik melangkaui penggunaan sedia ada.

"Termasuk juga potensi skala industri ekonomi melangkaui aktiviti sedia ada, disokong pusat data dunia yang akan dikendalikan oleh kecerdasan buatan (AI)," ujar Rafizi ketika Majlis Peluncuran Penemuan Banci Ekonomi (BE) 2023 baru-baru ini. 📌

Kerajaan didakwa beri harapan palsu

TIADA JANJIBUKA KILANG

BARU-BARU ini sebuah portal dalam talian Thailand, The Nation memetik sumber yang tidak dinamakan melaporkan Tesla membatalkan rancangan membangunkan kilang di Malaysia, Thailand serta Indonesia.

Difahamkan Tesla berhadapan cabaran bersaing dengan jenama EV China & Tesla Shanghai Super Factory yang telah beroperasi mampu menampung keperluan semasa Tesla seterusnya tiada keperluan membuka kilang baharu di Asia Tenggara.

Rentetan berita tersebut, netizen menyalahkan Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Tesla Inc dan SpaceX, Elon Musk dan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim (PMX) kerana merasakan telah diberikan harapan palsu tentang potensi pekerjaan jika kilang Tesla dibuka di Malaysia.

Dalam masa yang sama, kenyataan PMX tentang kerugian Tesla menerima pelbagai reaksi negatif dari segelintir netizen yang melihat imej PMX yang sebagai kerap *spin* dalam pelbagai isu.

Mungkin ramai yang tidak tahu, kegagalan Tesla bersaing dengan kenderaan elektrik keluaran China menyebabkan syarikat itu membatalkan rancangan mengembangkan operasi pengeluaran di rantau ini.

Menurut Anwar, perkara itu dimaklumkan kepadanya oleh Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.



PUSAT Pengalaman Tesla yang terletak di Cyberjaya, Selangor. - Gambar hiasan

“Tengku Zafrul mendapat maklumat terkini (mengenai Tesla) mereka mengalami kerugian (disebabkan) tidak dapat bersaing dengan EV dari China.

“Jadi operasi mereka di Thailand besar, kita baru nak mula, itu penerangan langsung dari Tesla,” katanya.

Anwar berkata demikian kepada media selepas melancarkan Garis

Panduan Mengenai Pengurusan dan Tatakelola Badan Berkanun Persekutuan di ibu negara, baru-baru ini.

Tengku Zafrul baru-baru ini dilaporkan berkata kementerianya tidak pernah membuat pengumuman Tesla akan membuka kilangnya di Malaysia.

Katanya, berlaku perbincangan dengan Elon Musk dalam usaha

menarik pelaburan tetapi syarikat itu tidak pernah membuat komitmen untuk membuka kilang.

Diminta mengulas tentang dakwaan itu, Tengku Zafrul berkata perkara itu perlu dirujuk kepada Tesla sendiri.

Namun setakat ini syarikat gergasi itu belum mengeluarkan sebarang kenyataan berhubung dakwaan portal terbabit.

Jangan politikkan isu Sabah



PERUNTUKAN RM6.6 bilion kepada Sabah yang diumumkan adalah bagi pembangunan sahaja. - Gambar hiasan

AHLI Parlimen Beluran daripada Perikatan Nasional (PN), Dr Ronald Kiang mendakwa kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada Sabah adalah mengelirukan.

Jika diperhalusi, ia adalah satu tuduhan tidak berasas. Manakan tidak, ia seolah-olah mempertikaikan kredibiliti Anwar sebagai Perdana Menteri. Sedangkan dalam masa sama, kerajaan terbuka untuk berbincang mengenai peruntukan tambahan Kerajaan Persekutuan kepada Sabah.

Perdana Menteri menjelaskan, peruntukan RM6.6 bilion kepada Sabah yang diumumkannya pada Pesta Kaamatan, 31 Mei lalu, adalah bagi pembangunan sahaja. Bukanlah untuk semua aspek.

“Jangan politikkan benda itu. Kalau hendak minta lagi, bincang elok-elok,” kata beliau.

Sebaliknya ujar Anwar semasa sambutan Pesta Kaamatan tempoh hari, semasa pentadbirannya, peruntukan kepada Sabah meningkat dengan ketara hingga

melebihi tuntutan hasil 40 peratus kerajaan negeri dalam Perjanjian Malaysia 1963 (MA63).

“Sejak saya jadi Perdana Menteri berbanding sebelumnya iaitu pada tahun 2022, peruntukan keseluruhan Sabah ialah RM12.9 billion. Jika dibandingkan pada 2024, saya tambah menjadi RM16 bilion untuk Sabah.

“Jadi, orang yang menyerang kita harus ingat. Betul isu 40 peratus belum diputuskan tetapi RM16 bilion ini jauh melepasi 40 peratus itu.

“Boleh buat tuntutan, tapi jangan nafikan itu kerana bila dengar RM16 bilion memang senang. Tapi apabila saya ke Pulau Pinang, Pahang, Johor, mereka juga akan tanya,” ujar beliau.

Terdahulu, pada 4 Ogos lalu, Anwar menepis dakwaan beliau telah menipu tentang peruntukan untuk Sabah.

RM16 bilion merangkumi peruntukan keseluruhan untuk Sabah bagi tahun ini, untuk perbelanjaan pelbagai perkara antaranya sekolah, pendidikan, keselamatan sempadan dan pembangunan.

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

26/7-26/9/24: Pameran Raja Kita @ Muzium Negara

17/8/24: NANOWHITE MEN x Watsons Run @ Taman Metropolitan Kepong

7/9/24: Malaysia Day UTC Sentul Brisk Walk 2024 @ UTC Sentul

4/7 - 1/12/24: Pameran IMT-GT: Rantau @ Balai Seni Negara



PUTRAJAYA

22/8/24 - 1/9/24: Royal Floria 2024 Putrajaya @ Persisiran Tasik, Presint 2, Putrajaya

24/8/24: Pertandingan Barista Latte Art @ Persisiran Tasik, Presint 2, Putrajaya

1 - 31/10/24: Jom #BEATNCDS 2024

LABUAN

17-18/8/24: Labuan 3 Trails @ Palm Beach Resort & Spa

15/9/24: Pearl Of Borneo Run 2024 @ Labuan International Sea Sport Coomplex

10/11/24: Labuan Ultra Marathon 2024 @ Palm Beach Resort & Spa

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara: **999** (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM)

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**

Laman Selera Madani Tanglin dinaik taraf

PENIAGA LEBIH SELESA

SYED HAZIQUE

PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim singgah sebentar di Laman Selera Madani Tanglin untuk menjamu selera sebelum menunaikan solat Jumaat minggu lalu.

Beliau yang lengkap berbaju Melayu biru serta bersamping dan bersongkok tiba di medan selera tersebut kira-kira pukul 12.45 tengah hari.

Kehadiran Anwar disambut oleh Menteri Komunikasi, Fahmi Fadzil dan Bekas Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri PMgr Sr Kamarulzaman Mat Salleh.

Selain itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa juga turut hadir.

Dalam masa sama, Perdana Menteri turut menikmati makan tengah hari sambil beramah mesra dengan pelanggan dan peniaga di Medan Selera Tanglin.

Selepas meluangkan masa kira-kira 30 minit, Anwar bergerak ke Masjid Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang terletak kira-kira 5.2 kilometer dari Medan Selera Tanglin untuk menunaikan solat Jumaat.

Dalam sesi lawatan tersebut Anwar turut meninjau kerja-kerja naik taraf yang dijalankan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) di bawah inisiatif Lestari Niaga @ Kuala Lumpur.

Lestari Niaga @ Kuala Lumpur merupakan inisiatif kerajaan MADANI untuk menaik taraf dan mengindahkan fasiliti gerai-gerai peniaga kecil dan penjaja sedia ada di Wilayah Persekutuan menjadi lebih



ANWAR sempat berswafoto bersama pelanggan yang datang menjamu selera di Laman Selera Madani Tanglin.



ROSMAH

kondusif dan selesa.

Dalam perkembangan lain, pemilik Pak Din Ikan Bakar Tanglin, **Rosmah Husin** berkata dia yang sudah berniaga

kira-kira 40 tahun bersyukur dengan segala kemudahan yang diberikan kerajaan.

"Alhamdulillah, kerajaan amat prihatin terhadap para peniaga

apabila pelbagai inisiatif yang dilaksanakan demi memberi kemudahan bukan sahaja buat kami para peniaga tetapi juga pelanggan yang hadir.

"Selepas ini, dapat tempat yang lebih selesa, tempat duduk yang selesa, tempat parkir kereta yang lapang, tandas serta surau juga turut disediakan," katanya kepada Wilayahku.

Seorang pelanggan yang menjamu selera, **Muhammad**



AMRI

Amri Alias berkata dia amat berpuas hati dengan harga makanan yang disediakan para peniaga selain sangat menyelerakan.

"Harga di Laman Selera Madani Tanglin amat berpatutan, ditambah pula pelbagai aneka juadah masakan yang lazat.

"Makanan kegemaran saya tiap kali singgah menjamu selera di sini ialah ikan bakar," ujarnya. 📸

Warga PA bersaing

ORANG ramai dijemput hadir untuk merayakan 10 finalis berkarisma daripada 10 kawasan Perumahan Awam (PA) di Lembah Klang yang akan bersaing untuk merebut gelaran juara dalam Pertandingan Nyanyian K2K Idol pada 17 Ogos ini.

Majlis pertandingan tersebut akan disempurnakan oleh Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Dr Wan Ismail di Pusat Komersial Komuniti Bandar Tun Razak.

Menurut Pengarah Urusan Think City, **Datuk Hamdan Abdul Majeed**, matlamat penganjuran pertandingan itu adalah untuk mengeratkan silaturahim dan semangat kekitaan melalui seni dan muzik.

"Perpaduan komuniti menjadi asas penting dalam mencapai kesejahteraan dan kelestarian PA. Program ini bukan sahaja bertujuan menyatukan komuniti perumahan awam tetapi juga menyediakan platform untuk mengasah bakat, memperkukuh jati diri dan memupuk semangat kebersamaan.

"Saya teruja melihat hasil daripada program ini apabila ahli-ahli PA datang bersama, saling berkenalan dan melibatkan diri secara aktif sekali gus meningkatkan keyakinan diri dan semangat kekitaan melalui Pertandingan Nyanyian K2K Idol," ujar beliau.

Pertandingan ini dimulakan pada peringkat perumahan awam di mana 100 daripada 817 peserta dipilih melalui sesi uji bakat dan telah diberi latihan vokal serta pementoran daripada artis terkemuka seperti Andy Flop Poppy dan Datuk Ito (Blues Gang).

Acara kemuncak K2K Idol pada 17 Ogos ini akan menampilkan 10 finalis terbaik yang dikenal pasti untuk merebut gelaran juara K2K Idol dan seterusnya membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM10,000 beserta trofi. 📸

Bangun Pusat SDG pertama di Malaysia



ZALIHA mencadangkan pendidikan berteraskan SDG wajar diperkenal.

PUSAT Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) Kuala Lumpur yang pertama di Malaysia dan Asia Pasifik merupakan usaha sama antara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Urbanice Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata Pusat SDG tersebut turut mendapat pengiktirafan United Nations Human Settlement Programme (UN-Habitat).

"Pelebaran fungsi dan ruang Pusat SDG Kuala Lumpur ini adalah sebagai salah satu inisiatif DBKL untuk melengkapkan ekosistem Pusat SDG yang tidak hanya tertumpu kepada ruang pameran sahaja tetapi turut mempunyai pelbagai ruang yang menyokong usaha merakyatkan Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).

"Pembangunan Pusat SDG baharu itu dijangka siap dalam tempoh tiga ke empat tahun dan

pihaknya akan menjalin kerjasama dengan Jabatan Warisan Negara untuk memastikan proses pemuliharaan bangunan warisan di situ dapat dikekalkan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas sesi turun padang ke tapak cadangan Pusat SDG, Bangunan Kuala Lumpur City Gallery (KLCG), baru-baru ini.

Bangunan KLCG iaitu Bangunan Pustaka Peringatan Kuala Lumpur dicadangkan sebagai lokasi baharu bagi Pusat SDG Kuala Lumpur dalam usaha DBKL melebarkan lagi fungsi dan ruang Pusat SDG yang sedia ada.

Menurut Zaliha, pelebaran fungsi dan ruang Pusat SDG Kuala Lumpur ini adalah sebagai salah satu inisiatif DBKL untuk melengkapkan ekosistem Pusat SDG yang tidak hanya tertumpu kepada ruang pameran sahaja.

"Iajuga turut mempunyai pelbagai ruang yang dapat menyokong

usaha-usaha untuk merakyatkan Matlamat Pembangunan Mampan (*localizing the SDGs*) melalui pelbagai aktiviti yang dapat dirangka di ruang bangunan KLCG yang lebih luas," jelasnya.

Sementara itu, Zaliha turut mencadangkan pendidikan berteraskan SDG wajar diperkenal di peringkat sekolah.

Tambah Zaliha, pihaknya bersedia bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan (KPM) untuk memastikan subjek SDG ini boleh diajar di sekolah seluruh negara.

"Setakat ini silibus SDG memang sudah ada di sekolah-sekolah, namun ia dalam skala kecil, jadi kita akan berbincang terus bersama pihak KPM.

"Kita mahu menjadikan subjek SDG secara formal atau 'informal' di mana akhirnya anak-anak boleh mengetahui kefahaman dan pendidikan kelestarian," katanya. 📸

Penubuhan Laman Kucing DBKL

RUMAH BARU KUCING JALANAN

KHAIRUL IDIN

BAGI memberi perlindungan kepada kucing liar atau terbiar di kawasan kota raya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menubuhkan Laman Kucing yang terletak di Jalan Budiman, Bandar Tun Razak.

Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosioekonomi DBKL, **Ismadi Sakirin** berkata inisiatif penubuhan Laman Kucing yang dicetuskan Ali Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Bekas Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri PMgr Sr Kamarulzaman Mat Salleh adalah bagi mengelakkan berlakunya pandangan negatif segelintir masyarakat terhadap kaedah dan tatacara DBKL menangani isu tersebut.

Katanya, matlamat penubuhan itu sudah tentunya bertujuan untuk memberi perlindungan kepada kucing liar atau terbiar yang kian bertambah setiap hari sekali gus memerlukan satu mekanisme efektif agar setiap masalah yang timbul dapat ditangani sebaiknya.

"Selain itu, ia juga adalah usaha bagi mewujudkan masyarakat yang prihatin terhadap kebajikan haiwan kesayangan serta usaha menangani isu berkaitan.



ISMADI (lima dari kanan) dihadapan laman Kucing DBKL.

dapat mengurangkan kekacauan haiwan tersebut di tempat awam," ujarnya.

Tambah beliau, pihak DBKL mengambil inisiatif melancarkan Program Adopsi Kucing yang bertujuan mengurangkan populasi kucing jalanan dan terbiar di sekitar

Kuala Lumpur.

Program adopsi ini akan dijalankan dengan kerjasama DBKL bersama badan bukan kerajaan (NGO) yang sering menjalankan program adopsi di kompleks beli-belah.

"Ia diharap mampu memberi rumah baru serta kasih sayang

kepada kucing jalanan dan pada masa sama dapat meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan menjaga dan menyayangi haiwan," ujarnya pada Majlis Perasmian Laman Kucing DBKL pada Selasa.

Turut hadir Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin dan Pengarah Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL, Dr Umi Ahmad.

Tambah Ismadi, setiap kucing yang akan diadopsi dikenakan caj RM200 kerana kucing-kucing yang ditempatkan di Laman Kucing DBKL ini telah lengkap diberi rawatan, suntikan vaksin dan dimandulkan (kembiri).

"Adalah penting kucing-kucing ini dimandulkan bagi mengawal populasi kucing di sekitar Kuala Lumpur selain kucing yang akan diadopsi disantuni dengan sebaiknya bagi mengelakkan haiwan tersebut berkeliaran tanpa diurus.

"Diharapkan laman kucing ini dapat memupuk kesedaran dan keprihatinan warga kota terhadap kucing liar dan seterusnya menjadikan Laman Kucing DBKL sebagai salah satu ikon di Kuala Lumpur," ujarnya.

Terdahulu, Laman Kucing DBKL merupakan satu platform bagi memperkasakan Program Adopsi Kucing di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 📌

Pendidikan haiwan masih 'hijau'

SAMBUTAN Hari Haiwan Sedunia tanggal 4 Oktober setiap tahun tidak membawa apa-apa makna jika jenayah atau penganiayaan terhadap haiwan tidak pernah berhenti malah semakin menjadi-jadi.

Sejauh manakah sebenarnya masyarakat kita prihatin terhadap kebajikan haiwan apabila sering kali kita dihidangkan berita jenayah dan kezaliman terhadap haiwan.

Presiden Persatuan Haiwan Malaysia, **Arie Dwi Andika** berkata kes jenayah dan kekejaman haiwan terus berlaku kerana tiadanya kesedaran dan pendidikan haiwan yang masih 'hijau' di Malaysia.

"Sebenarnya, kekejaman terhadap haiwan adalah disebabkan masih ramai golongan yang tidak dapat kesedaran. Ini bermakna, masih ramai yang tidak faham dan tiada pendidikan haiwan.

"Pendidikan haiwan sebenarnya masih baru di negara kita. Kalau dulu kita tengok zaman dulu, jenayah haiwan dianggap biasa kerana ketika itu melastik burung

merupakan sukan dan hobi. Begitu juga menangkap ikan, memburu binatang-binatang kecil seperti belalang.

"Pendedahan ini sedari kita kecil sampai sekarang, akhirnya hari ini baru kita tahu ada undang-undang. Proses (kesedaran) itu sudah tentu mengambil masa serta dalam masa yang sama perlu terus diperkasakan oleh kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan kami juga bertanggungjawab memberi pendidikan secara langsung kepada masyarakat Malaysia.

"Macam saya cakap tadi, ia perlukan masa. Dalam masa yang sama, kita kena bertindak cepat," katanya kepada Wilayahku.

Arie ditemui pada Majlis Penutup Karnival Kucing Madani, di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Cheras, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Turut hadir Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri PMgr Sr Kamarulzaman Mat Salleh; Pengerusi Social and Economic Research Initiative (SERI), Nurul Izzah Anwar, Setiausaha Politik



PENGUNJUNG bergambar bersama salah seekor kucing di karnival kucing.

kepada Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin dan pelakon, Putra Amaris.

Arie juga menegaskan Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang memperuntukkan denda dan penjara terhadap pelaku masih lagi tidak mampu menghentikan perbuatan kejam manusia terhadap haiwan.

"Bagi saya undang-undang yang ada sudah cukup. Namun masih ramai lagi yang tidak 'cerdik' tentang hak haiwan. Tidak ada alasan dalam isu ini kerana semua agama asuh kita dari kecil untuk mengasihi, memberi hak dan menghormati haiwan. Tapi nampaknya ada yang tidak ikut pendidikan agama. Langgar suruhan agama. Apatah

lagi apabila bercakap tentang pendidikan haiwan pada hari ini.

"Agama sudah mengajar (kasih haiwan), tapi mereka menolak ajaran itu. Jadi, pokok pangkalnya adalah ia datang dari sifat belas ihsan dalam diri kita. Ini bermakna, kalau jenayah haiwan masih berlaku bererti masih ramai lagi dalam kalangan kita tidak mempunyai sifat empati," ujarnya.

Dalam masa yang sama, Arie memuji usaha Persatuan Rakan Kucing Malaysia (PRKM), Parlimen Bandar Tun Razak, DBKL dan SOCIAL Pets menganjurkan Karnival Kucing Madani yang memberi banyak info tentang haiwan yang sepatutnya menjadi peranan kita semua.

"Saya lihat acara sebegini boleh memberi impak yang baik. Namun bagi saya, Kalau orang luar sana tak suka haiwan, mereka tidak hadir.

"Jadi isunya adalah bagaimana menarik mereka yang menolak haiwan ini. Golongan inilah yang perlu dilibatkan sebenarnya. Kita kena buat sesuatu untuk memupuk kesedaran tentang haiwan.

"Kalau tak minat haiwan, kita tak boleh paksa. Jadi, janganlah usik (ancam) haiwan itu kalau tak minat," tambahnya lagi. 📌

Pertandingan Video Kreatif Merdeka YWP 2024

SEMAI SEMANGAT PATRIOTISME

DIANA AMIR

BAGI menyemarakkan lagi semangat kemerdekaan, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) menganjurkan Pertandingan Video Kreatif YWP 2024: Cipta Video Anda dan Menangi Hadiah Menarik! sepanjang Bulan Kebangsaan ini.

Pengurus Kanan YWP, **Datin Ts Dr Ida Harlina Ikhwan Nasir** berkata pertandingan tersebut bertujuan meraikan Hari Kemerdekaan negara melalui medium kreatif.

"Kemeriahan sambutan Bulan Kebangsaan tidak lengkap tanpa video kreatif yang sarat dengan mesej patriotisme daripada sektor awam dan syarikat korporat.

"Justeru itu, pihak kita menganjurkan pertandingan ini bagi menjadi platform dan peluang keemasan buat rakyat Malaysia mempamerkan semangat patriotisme mereka melalui video kreatif juga.

"Ia juga antara usaha dalam melahirkan individu yang memiliki idea dan daya kreatif tersendiri," ujarnya.

Beliau berkata pertandingan tersebut terbuka kepada seluruh

warga Malaysia tanpa mengira agama dan bangsa.

"Antara syarat penyertaan lain adalah peserta dikehendaki menghasilkan video berdurasi tidak melebihi tiga minit dengan bertemakan kemerdekaan atau patriotisme," ujarnya.

Berkongsi lanjut, Ida Harlina berkata mereka yang mahu menyertai perlu memastikan akaun Facebook, TikTok atau Instagram berada dalam mod awam (*public*).

"Seterusnya muat naik video kreatif anda ke akaun Facebook, Instagram atau TikTok dan tag akaun media sosial rasmi YWP serta gunakan hashtag #YayasanWilayahPersekutuan #DrZ #WilayahPersekutuanKita #YWP #MalaysiaMADANI.

"Jangan lupa untuk *Like, Share* dan *Follow* semua media sosial YWP di semua platform," katanya.

Tambahnya, hadiah menarik turut ditawarkan kepada pemenang-pemenang bertuah yang berjaya memukau juri dengan kreativiti mereka.


"Tempoh peraduan berlangsung

dari 7 Ogos hingga 7 September 2024.

"Jadi jangan lepaskan peluang ini dan ayuh semua sertainya untuk menzahirkan rasa cinta terhadap negara yang telah berjaya mengecapi kemerdekaan ke-67 dalam bentuk paling kreatif," ujarnya.

Jelasnya lagi untuk maklumat lanjut mengenai pertandingan, orang ramai boleh melayari laman sosial rasmi YWP atau hubungi **03-2698 3073** untuk sebarang pertanyaan.

"Kami berharap penyertaan daripada seluruh rakyat Malaysia dapat memberikan inspirasi kepada semua tentang pentingnya perpaduan dan cinta terhadap negara kita," ujarnya.

Sambutan Hari Kebangsaan 2024 akan diadakan di Putrajaya pada 31 Ogos ini bermula seawal pukul 7 pagi dengan bertemakan Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka manakala Sabah akan menjadi tuan rumah bagi Sambutan Hari Malaysia peringkat Kebangsaan bertempat di Padang Merdeka, Kota Kinabalu. 



ORANG ramai dialu-alukan menyertai Pertandingan Video Kreatif YWP 2024.

Pengalaman menakutkan Afdlin Shauki

PENGARAH yang juga pelakon dalam filem *Harimau Malaya: The Untold Journey*, **Datuk Afdlin Shauki Aksan** memberitahu apa yang dilihatnya berbeza dari kaca mata penonton memandangkan sebagai pengarah banyak sudut yang dilihatnya ketika menonton.

"Kalau tanya mana-mana pengarah pun, mereka takkan puas. Tapi kita kena terima hakikat pada satu ketika filem ini tetap kena keluar juga. Kalau tanya saya pasal kepuasan, saya mahukan masa dua hingga tiga bulan lagi.

"Ini kerana,

m u n g k i n

penonton tidak

nampak apa

yang saya

nampak.

Kebanyakan

penonton

akan melihat

filem ini

sempurna.

Namun saya

melihat dengan

teliti dari pelbagai

sudut seperti

teknikal dan bahagian

lain, itulah cara saya bekerja.

"Dari sudut penonton pula, apabila tengok filem ini, apa yang kita boleh tanya adalah membawa kesan atau tidak. Ketawa tak ketika babak kelakar, menitis air mata tak apabila babak sedih yang menyentuh hati dan sebagainya.

"Kalau semua itu kita dapat rasa, bermakna ia memberi kesan



BARISAN pelakon filem *Harimau Malaya* pada tayangan perdana di Petaling Jaya baru-baru ini.

kepada

kita,"

katanya

kepada

Wilayahku pada

Malam Gala Harimau

Malaya di Starling Mall,

Petaling Jaya, baru-baru ini.

Menurut Afdlin lagi, menjadi pengarah *Harimau Malaya* satu pengalaman yang 'menakutkan' kerana ia adalah satu projek besar yang dibuat dalam waktu yang agak singkat.

"Saya takut pada mulanya nak buat. Iyalah, filem ini menyentuh

topik yang sangat sensitif di Malaysia. Ia sukan rakyat negara kita iaitu bola sepak yang mana kalau ada yang tidak kena mereka akan komen.

"Nak buat filem ini kena ada keberanian yang luar biasa. Alhamdulillah, Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) memberi ruang kepada kita untuk bercerita. Tanpa bantuan mereka, banyak yang kita tak boleh buat," ujarnya.

Menyentuh tentang pengalaman bekerjasama dengan para pelakon dalam filem tersebut, Afdlin berkata kebanyakan mereka merupakan

kali pertama bekerjasama dengannya.

"Sebelum ini saya dengar macam-macam cerita tentang pelakon-pelakon ini, tapi apabila datang *set* saya, tak ada masalah pun. Mereka bagi komitmen yang terbaik. Apabila tonton filem ini, semua pelakon memainkan watak dengan baik dan memberi kesan kepada penonton. Terima kasih," ujarnya.

Sementara itu, bagi pelakon utamanya, Meerqueen mengakui filem *Harimau Malaya* membuatnya beres-tesu namun


dalam masa yang sama takut menanti komen atau maklum balas penonton kerana ia berinspirasi dari kisah benar.

"Dalam masa yang sama, saya rasa *nervous* kerana saya ini boleh main bola atau main suka-suka tapi untuk melakonkan perkara yang kita biasa buat, itu agak sukar sebenarnya.

"Selain itu, saya terima watak ini kerana pelakon-pelakon lain seperti Aidil dan Aiman yang kuat wataknya. Ia ini antara sebab saya berani terima. Saya tak nak jadi seorang yang acah-acah main bola, tapi apabila di skrin, nampak tak okey.

"Watak ini sebenarnya menakutkan saya juga kerana *shooting* seharian, latihan bola dalam tempoh lama dan mental kena kuat," tambahnya.

Filem *Harimau Malaya: The Untold Journey* mula ditayangkan di pawagam pada 15 Ogos 2024 diinspirasi daripada kisah di sebaliknya tabir FAM selepas Tan Cheng Hoe meletakkan jawatan sebagai jurulatih skuad kebangsaan pada Januari 2022.

Kisah filem ini digerakkan melalui empat perspektif naratif iaitu dari sudut badan pengurusan skuad kebangsaan Harimau Malaya, ketua jurulatih, pemain dan ultras khususnya tiga rakan yang merupakan penyokong tegar Harimau Malaya. Mereka telah disenaraihitamkan daripada menghadiri perlawanan bola sepak di stadium selama setahun. 



Bil 275 . 16 - 22 OGOS 2024



SELEWENG

akidah

►►10-11

ANCAM KESELAMATAN MASYARAKAT

SABRINA SABRE & DIANA AMIR

BIARPUN hidup pada zaman serba moden namun masih ada lagi segelintir masyarakat yang masih percaya dengan ajaran sesat yang menjangkau logik akal manusia.

Penyebaran ajaran sesat di negara ini bukan sahaja masih berleluasa tetapi kini dilakukan secara terbuka dengan menggunakan platform-platform media sosial untuk mencari dan menarik pengikut.

Antara platform popular digunakan ialah menerusi aplikasi TikTok, YouTube dan Facebook. Penyebaran ajaran terutama yang bertentangan dengan Islam kini tidak lagi dilakukan secara bergerak dari satu tempat ke satu tempat.

Ajaran yang menyelewengkan akidah umat Islam ini bertentangan dengan sumber utama Islam iaitu Al-Quran, As-Sunnah, ijmak dan qias. Ia turut bercanggah dengan pegangan atau pandangan Ahli Sunnah Wal Jamaah dari sudut akidah, syariat dan akhlak yang didukung oleh orang Islam atau bukan Islam dengan dakwaan ajaran tersebut adalah berlandaskan ajaran Islam.

Peguam Syarie, **Mohd Yazid Sa'at** berkata ajaran sesat moden yang disebarkan secara terbuka di media sosial menimbulkan kebimbangan yang serius dari sudut undang-undang dan keselamatan masyarakat.

“Daripada kaca mata undang-undang, penyebaran ajaran sesat ini melanggar beberapa peruntukan yang terdapat dalam undang-undang syariah dan undang-undang jenayah di Malaysia.

“Ajaran sesat yang bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam boleh dianggap sebagai satu bentuk pengajaran yang menyeleweng dan mengancam akidah umat Islam. Perkara ini boleh disabitkan di bawah undang-undang syariah yang melarang ajaran atau perbuatan yang bertentangan dengan ajaran agama Islam yang sah. Individu yang terlibat dalam penyebaran ajaran sesat boleh dikenakan tindakan undang-undang termasuk hukuman penjara, denda atau kedua-duanya sekali.

“Selain itu, penyebaran ajaran sesat melalui media sosial melibatkan penyalahgunaan teknologi dan platform digital juga yang boleh ditakrifkan sebagai menyebarkan maklumat palsu atau berbahaya di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Penyebaran ini boleh menjejaskan keharmonian masyarakat, menimbulkan kekeliruan dalam kalangan umat Islam dan dalam kes tertentu, menyebabkan kegelisahan

awam. Ini adalah satu kesalahan yang boleh dikenakan tindakan tegas oleh pihak berkuasa,” ujar beliau.

Mohd Yazid berkata di dalam konteks Wilayah Persekutuan, terdapat beberapa seksyen berkaitan kesalahan berhubung dengan akidah di bawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 seperti pemujaan salah, doktrin palsu, mengembangkan doktrin agama dan dakwaan palsu.

“Undang-undang berkaitan kesalahan mengamalkan ajaran sesat di Malaysia adalah jelas dan tegas terutama dalam menjaga akidah umat Islam. Mana-mana individu yang memuja alam semula jadi atau melakukan apa-apa perbuatan yang menunjukkan pemujaan atau rasa hormat kepada mana-mana orang, binatang, tempat atau benda

dengan apa-apa cara yang menyalahi hukum syarak boleh didenda tidak melebihi RM3,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

“Seterusnya, mana-mana individu yang mengajar atau menjelaskan apa-apa doktrin atau melaksanakan apa-apa upacara atau perbuatan yang berhubungan dengan agama Islam di mana-mana tempat, sama ada tempat persendirian atau tempat Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 9 awam yang berlawanan dengan hukum syarak atau mana-mana fatwa yang sedang berkuat kuasa di Wilayah Persekutuan boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu,” ujarnya.

Menurut beliau, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) amat efektif digunakan bagi membendung kegiatan ajaran sesat dan fahaman terpesong daripada menular dalam kalangan masyarakat.

“SOSMA sememangnya digubal bagi membendung kegiatan seseorang atau kumpulan yang mahu mengguling atau melemahkan negara dan ia sangat digeruni oleh mereka yang melanggar undang-undang.

“Di bawah akta berkenaan, seorang pegawai polis boleh menangkap dan menahan mana-mana individu atau kumpulan tanpa waran jika individu atau kumpulan itu dipercayai terlibat kegiatan yang

mengancam ketenteraman dan keselamatan negara.

“Mereka yang menyebarkan ajaran sesat dan pengikutnya boleh ditahan di bawah SOSMA apabila didapati mengganggu ketenteraman awam dan keharmonian masyarakat. Suspek yang ditahan hendaklah dimaklumkan sebab dia ditahan selama 24 jam bagi tujuan penyasatan. Polis juga boleh melanjutkan tempoh tahanan untuk tempoh yang tidak lebih daripada 28 hari dan peranti pengawasan elektronik boleh dipasang pada tertuduh sekiranya dilepaskan.

“Bagi mengkekang penyebaran ajaran yang menyeleweng, kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) perlu giat mengaktifkan Jawatankuasa Pemandu Menangani Ajaran Sesat Peringkat Kebangsaan (JAPAS) bagi memastikan segala tindakan dan gerak kerja menangani isu akidah dan ajaran sesat berjalan secara teratur,” ujarnya.

SEKAT SEBARAN MEDIA SOSIAL

PENYEBARAN ajaran sesat moden melalui media sosial bukan sahaja melanggar prinsip-prinsip agama tetapi juga undang-undang negara.

Mohd Yazid berkata pihak berkuasa perlu bertindak tegas untuk memantau dan mengkekang penyebaran ini bagi melindungi



masyarakat dan memastikan keharmonian serta kestabilan sosial terus terpelihara.

“Bagi menangani ajaran sesat di platform media sosial ini beberapa tindakan harus diambil dengan segera. Pertama, keperluan kepada undang-undang yang dapat mengawal perkembangan maklumat-maklumat yang merosakkan akidah umat Islam. Undang-undang berkaitan siber harus dinilai dan diperbaiki dari semasa ke semasa.

“Setiap agensi yang terlibat dengan pengurusan sumber alam siber seperti Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) harus bersama-sama berpadu tenaga dan bekerjasama menyenaraikan polisi kawalan penggunaan alam siber seterusnya memastikan pelaksanaan undang-undang memelihara etika alam siber dalam kalangan masyarakat berjalan dengan baik.

“Undang-undang siber yang sedia ada seperti Akta Jenayah Komputer 1997 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 harus digunakan dengan berkesan untuk membendung ajaran sesat ini.

“Kedua, pendidikan masyarakat untuk berhadapan dengan fenomena kecanggihan siber perlu dipertingkatkan. Pendidikan umum mengenai nilai-nilai akhlak berkaitan penggunaan alam siber seperti kesabaran, berfikir secara rasional, berlapang dada, berprasangka baik, meneliti


sesuatu berita dengan mendalam (tabayyun) dan bersifat matang dalam membuat penilaian,” ujarnya.

Dalam pada itu, beliau turut menggesa masyarakat agar mempertingkatkan kefahaman dan ilmu pengetahuan tentang ajaran Islam sebenar dan tidak memandang ringan dengan situasi perkembangan ajaran sesat pada masa ini.

“Pendidikan teras agama Islam yang sebenar khususnya berkaitan akidah agama Islam dapat memberikan kefahaman yang mencukupi untuk seseorang Muslim supaya mereka tidak mudah dipengaruhi dan diselewengi oleh ajaran-ajaran yang bertentangan dengan agama Islam.

“Sesiapa sahaja yang mengikuti ajaran-ajaran yang telah difatwakan sesat dan terpesong, telah terbatal lah syahadah mereka. Perbuatan yang menyekutukan Allah ini dengan sendirinya telah membatalkan keimanan seseorang terhadap Al-Quran dan As-Sunnah.

“Justeru itu, bagi individu yang telah mempercayai ajaran sesat atau mempercayai sesuatu yang menyekutukan Allah, jika ingin kembali semula kepada agama Islam hendaklah memperbaharui syahadah dan melakukan taubat nasuha dengan sesungguhnya dan tidak akan kembali lagi ke ajaran sesat tersebut.

“Semoga kesucian agama Islam di negara ini sentiasa terpelihara daripada dicemari oleh ajaran sesat dan fahaman yang menyeleweng,” ujarnya. 

Jahil punca mudah terpengaruh

PERKEMBANGAN teknologi hari ini membantu penyebaran maklumat dengan lebih pantas namun disalahgunakan dengan menyebarkan ajaran sesat secara terbuka menggunakan platform-platform media sosial untuk mencari serta menarik pengikut baru.

Menurut Profesor di Pusat Kajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban Raja Zarith Sofiah, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), **Profesor Madya Dr Khalif Muammar A**



KHALIF

Harris, banyak maklumat yang salah dan mengelirukan mengenai agama Islam tersebar di media sosial kini membuatkan mereka yang jahil ini mudah terpengaruh dengan maklumat palsu tersebut.

“Sebagai contoh baru-baru ini ada yang mendakwa bahawa kaabah itu bukan di Mekah tetapi terletak di Jordan dan kononnya itu adalah berdasarkan kajian seorang orientalis walhal individu tersebut bukanlah seorang pakar sejarah dan tidak mempunyai sebarang autoriti.

“Namun orang awam yang jahil ini tidak boleh membezakan di antara sumber rujukan yang berautoriti, berwibawa dan boleh dipercayai dengan sumber yang meragukan. Kerana itu, saya katakan bahawa kejahilan ini adalah satu faktor yang menjadi penyebab utama suburnya ajaran sesat,” katanya.

Jelasnya lagi, justeru itu, umat Islam perlu menjauhi kejahilan di mana pembelajaran agama Islam perlu dilakukan bersama orang yang berwibawa atau para ulama dan tidak

bergantung kepada maklumat yang diperoleh dalam Internet semata-mata.

“Kebiasaannya mereka yang memperdaya atau terpedaya ini adalah berdasarkan kepada keuntungan peribadi sahaja sama ada bertujuan mengumpul kekayaan atau mendapatkan pengaruh orang ramai bukanlah untuk kepentingan masyarakat mahupun agama.

“Individu-individu yang mengamal dan menyebarkan ajaran sesat ini biasanya mengaku dengan pelbagai dakwaan palsu seperti ada yang mengatakan diri mereka nabi serta mempunyai kuasa ghaib untuk mengampunkan dosa atau memberi pahala.

“Ada juga yang mendakwa mempunyai kemampuan luar biasa seperti boleh nampak syurga dan neraka atau memberi maklumat tentang masa depan serta alam ghaib. Pengikutnya terpedaya kerana karisma atau rasa taasub terhadap guru tersebut disokong oleh kejahilannya tersendiri mengenai ilmu agama Islam,” jelasnya.

Mengulas lanjut berkenaan ajaran sesat yang tersebar kebelakangan ini, Khalif Muammar berkata terdapat gerakan yang tersebar hampir di seluruh Malaysia mempunyai gerakan Imam Mahdi yang mengatakan bahawa agama Yahudi, Kristian dan Islam adalah agama yang sama benar.

“Mereka juga mengatakan bahawa Nabi Muhammad SAW itu bukanlah penghulu nabi sebaliknya Nabi Ibrahim



yang dipilih dan Imam Mahdi yang muncul di akhir zaman nanti adalah Nabi Ibrahim.


“Jelas bahawa semua dakwaan ini bertentangan dengan ijmak, dalil Al-Quran dan As-Sunnah, tidak benar serta kepercayaan yang dibuat-buat. Saya melihat ini adalah satu kaedah baharu dalam memurtadkan umat Islam di mana kalau dahulu kita disibukkan dengan usaha mengkristiankan orang Islam namun pada hari ini mereka berasa cukup dengan mengelirukan umat Islam supaya menerima agama lain selain Islam.

“Ajaran sesat ini mahu menunjukkan bahawa semua agama adalah benar dan murtad bukanlah satu kesalahan kerana agama Yahudi, Kristian dan Islam itu semua diterima oleh Allah dan ia bertentangan dengan syariat serta akidah Islam,” ujarnya.

Khalif Muammar menasihatkan agar orang ramai mencari guru yang benar dalam mempelajari ilmu agama Islam bukan sahaja melihat kepada status selebriti atau pempengaruh.

“Ada yang mengaku bahawa dirinya ulama sedangkan bukan kerana itu perlu bijak dalam memilih guru. Para ulama merupakan autoriti dalam hal keagamaan jadi mereka ini yang akan menetapkan atau menentukan sesuatu ajaran itu sesuai dengan ajaran Islam atau sebaliknya, jadi institusi ulama itu perlu dihormati atau dirujuk oleh umat Islam.

“Satu perkara yang saya nak tekankan untuk elakkan ajaran sesat ini daripada terus berleluasa adalah umat Islam perlu memahami bahawa ajaran Islam ini datang kepada kita melalui orang yang dipercayai iaitu Rasulullah SAW yang disebut dengan Al-Amin, orang yang dipercayai bahkan dipercayai oleh masyarakat Quraisy pada masa itu.

“Seterusnya para sahabat juga adalah orang yang dipercayai begitu juga para ulama dipercayai dari segi keilmuan, akhlak serta keperibadian mereka. Jadi atas dasar itu, apa yang mereka katakan itu berdasarkan kebenaran yang mereka terima daripada ulama sebelumnya dan mempunyai sandaran yang kuat dan bukan didorong oleh hawa nafsu,” ujarnya. 

Ajaran sesat di Malaysia

1. KERAJAAN LANGIT

- Terdapat seorang rakyat Malaysia yang pernah mendakwa dirinya Tuhan kepada segala agama dan boleh menjelma semula sebagai Jesus, Buddha, Shiva dan Nabi Muhammad SAW.
- Ketua ajaran itu, Arifin Mohammed menjadikan teko sebagai simbol ideologi ajarannya ketika pertengahan 1980-an dan dikenali sebagai Ayah Pin dalam kalangan 22,000 pengikutnya, dia memulakan ajaran sesat itu pada tahun 1979 sebagai Kerajaan Langit.
- Sebelum diisytiharkan haram oleh kerajaan pada Ogos 2005, pusat ajaran Kerajaan Langit itu dibakar dan dimusnahkan oleh individu bertopeng pada 18 Julai 2005.

2. TASLIM

- Mengikut sejarah, ajaran Matahari atau Taslim juga terkenal sebagai ajaran sesat paling lama yang wujud sekitar 1870-an dan berpusat di sebuah Kampung Seronok.
- Pada hari ini, suasana di Kampung Seronok, Bayan Lepas, Pulau Pinang kelihatan tenang tetapi ketika 1940-an hingga 50-an, penduduk aktif melakukan amalan karut diketuai Haji Muhammed Shayfie.
- Bagaimanapun, mungkin ada yang lebih berminat dengan aktiviti yang dilakukan setahun sekali di Kampung Seronok apabila pengikutnya akan mandi dalam keadaan gelap sebelum melakukan persetubuhan.

3. AL-ARQAM

- Ashaari Mohammad adalah pengasas kepada ajaran sesat mempunyai 37 anak dan mendakwa mendapat kuasa istimewa daripada Allah SWT.
- Ketika gaya hidup barat menjadi pengaruh utama sekitar tahun 1960-an, Al-Arqam percaya umat Islam terpesong daripada ajaran agama dan satu-satunya cara untuk kembali ialah dengan bertaubat.
- Kerajaan mengharamkan pergerakan ini pada 1994 dan namun sebelum itu ia dianggarkan mempunyai kira-kira 10,000 hingga 12,000 pengikut selain 200,000 simpatisan yang terpengaruh dengan ajaran Al-Arqam.

4. TUHAN HARUN

- Ketua ajaran tersebut, Harun Mat Saat dikesan menyebarkan sistem pengajian itu dikenali sebagai ‘Universiti Universal Overhead God’ kepada lebih 300 pengikutnya.
- Harun juga disyaki menubuhkan beberapa pertubuhan digunakan bertujuan mengutip derma bagi mengumpul dana kewangan masing-masing berpangkalan di Kluang dan Skudai, Johor.
- Antara ritual mereka setiap hari ialah bermain muzik atau ‘jamming’ lagu berentak rock menjelang azan berkumandang, pengikut ajaran sesat Tuhan Harun itu semakin rancak mengalunkan muzik keras sambil terlompat-lompat menyanyi serta menari.
- November 2013, Harun Mat Saat ditangkap bagi membantu siasatan kes kematian Ketua Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), Ahmad Raffli Abd Malik.

5. MILLAH ABRAHAM

- Ajaran Millah Abraham difatwakan haram pada 2019 oleh Jabatan Mufti Negeri Sembilan.
- Antara fahaman salah ajaran ini ialah ahlinya percaya sembelihan dibuat bukan ahli tidak sah, selain mempercayai kewujudan nabi baharu dan ada syahadah berbeza.
- Pada masa sama, mereka juga cuba menggabungkan tiga agama iaitu Yahudi, Nasrani dan Islam, selain menghuraikan ajaran Al-Quran berdasarkan fahaman.





FESTIVAL Art Of Speed 2024 menyaksikan gabungan aktiviti menarik dan baharu yang di

AOS 2024: HIMPUN PEMINAT AUTOMOTIF KUSTOM

SYUQREE DAIN

BAGI mereka yang meminati dunia automotif, sudah tentu acara terulung Custom & Counter Culture iaitu Art Of Speed (AOS 2024) amat ditunggu bagi menyaksikan ratusan koleksi kereta serta motosikal yang diubah suai.


AOS 2024 kali ke-13 yang berlangsung selama dua hari di Malaysia Agro Exposition Park, Serdang (MAEPS) pada 27 dan 28 Julai lalu merupakan acara kenderaan kategori kustom terbesar di Malaysia.

Ia mendapat sambutan luar biasa dengan menampilkan lebih banyak aktiviti menarik di ruang pameran tertutup seluas 452,084 kaki per segi dan ruang luar seluas 8.6 ekar.

Antara aktiviti yang disediakan adalah Pameran Hot Wheels, Pertandingan Kustom Hot Wheels serta Test Ride Zone. Bagi penggemar muzik pula, dihiburkan dengan Konsert SoundCircus Takeover yang menampilkan kumpulan muzik terkenal Spider, Gerhana Ska Cinta, Salammusik dan banyak lagi.

AOS 2024 turut membawa Kempen Stop The Violence bagi meraikan cinta tanpa benci dan perpaduan tanpa sempadan. Mesej tersebut bertujuan memberi kesedaran kepada orang awam berkenaan insiden keganasan yang menimpa pemain bola sepak tempatan serta seiring dengan kempen bebas Palestin.

Objektif utama penganjuran festival itu adalah untuk mencipta acara dengan dasar dan cara yang betul dalam ruang selamat, selesa dan inklusif dari segi kandungan dan aktiviti selain mengumpul peminat-peminat di bawah satu bumbung meraikan segala perkara berkaitan seni, gaya hidup, budaya serta permotoran.





KEASLIAN RIMBA JADI REBUTAN



KHAIRUL IDIN

PULAU bebas cukai Labuan sememangnya terkenal dengan keindahan pantai serta khazanah alam semula jadi yang menjadi tarikan kepada pengunjung.

Kelebihan itu juga bakal mengangkat pulau tersebut menjadi destinasi pelancongan terkemuka seiring hasrat kerajaan.

Pelbagai lokasi menarik di Labuan berpotensi untuk diperluaskan sebagai lokasi pelancongan berteraskan pertanian antaranya Ternakan Rimba Madu Kelulut di Kampung Layang-Layangan.

Diusahakan oleh Syarikat Rimbun Madu Enterprise, pemiliknya **Abbas Khalidin**, 65, mula menjinakkan diri dalam bidang tersebut pada tahun 2015.

Idea tersebut tercetus apabila dia mengalami masalah kesihatan dan disarankan oleh rakannya untuk mengamalkan madu kelulut.

"Alhamdulillah berkat khasiat madu tersebut, kesihatan semakin pulih selain badan juga turut bertenaga. Jadi, bermula daripada situ jugalah saya mahu menyebarkan manfaat madu kelulut ini kepada orang ramai," ujar bapa kepada lima orang cahaya mata ini.

Di atas tanah seluas dua ekar, Abbas memulakan ternakan kelulut di mana hampir 90 peratus yang ada di kebunnya terdiri daripada spesies *Trigona itama* kerana ia lebih mudah dipantau berbanding spesies lain.

"Ketika itu, langkah pertama saya untuk memulakan ternakan ini adalah mencari sarang kelulut di hutan kerana waktu itu tiada pembekal seperti sekarang dan masa itu juga saya memulakannya dengan lima sarang.

"Kemudian, saya ada mendapatkan sarang kelulut spesies *Trigona itama* dengan

harga sekitar RM200 daripada rakan dan ia merupakan antara spesies yang mudah dipantau dan memberikan hasil yang terbaik.

"Selain itu, saya juga turut mempunyai spesies *Trigona thoracica* yang dibeli dengan harga RM800 ketika itu. Ia merupakan spesies baik untuk membuat terapi," ujarnya yang merupakan bekas pegawai di Jabatan Perkhidmatan Veterinar.

Bermula dengan hanya lima sarang kelulut, kini setelah sembilan tahun mengusahakannya, dia mempunyai lebih 500 sarang yang berpenghuni serta produktif.

Bercerita lanjut mengenai ternakan madu kelulutnya,

Abbas mengakui meskipun penjagaan serangga itu mudah namun ia perlu dipantau selain memastikan persekitaran yang baik agar dapat membantu kelulut menghasilkan madu lebih banyak dan berkualiti tinggi.

"Kita perlu sentiasa pastikan kebersihan di kawasan sekitar untuk mengelakkan ancaman terhadap kelulut antaranya kumbang, semut dan katak.

"Alhamdulillah kini perusahaannya ini telah pun berkembang dan permintaan tidak putus-putus. Kami juga berjaya menembusi pasaran di Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Brunei," ujarnya.

Dalam masa yang sama, Abbas turut menghasilkan pelbagai produk daripada ternakan kelulut dan produk utamanya adalah madu kelulut asli.

TUMPUAN PELANCONG

SEJAK mengusahakan tanaman kelulut, Abbas mengakui kebunnya sering menerima kunjungan bukan sahaja dalam kalangan pelancong tempatan bahkan luar negara yang ingin merasai kenikmatan madu kelulut asli.

Dalam masa yang sama, terdapat banyak tanaman makanan kelulut ditanam seperti Honolulu Creepers, Bunga Tunera, Belimbing, Pokok Pinang yang sentiasa dikunjungi kelulut untuk sumber makanannya.

Menariknya selain lokasi tumpuan pelancong yang ingin merasai pengalaman melihat sarang

kelulut dan pemrosesan penyedutan madu dilakukan, kebunnya turut dipenuhi dengan pelbagai tanaman buah-buahan tempatan.

"Bermula tahun 2019, kebun saya sering dikunjungi oleh pelancong dalam dan luar negara yang mahu mendapatkan sendiri madu kelulut. Selain itu, mereka juga boleh menikmati buah-buahan bermusim seperti durian, rambutan, kedondong dan banyak lagi," ujarnya.

Mengakui pasaran madu kelulut mendapat sambutan di Labuan,

Abbas berharap agar agensi terlibat membantunya untuk melengkapkan kemudahan yang diperlukan supaya perusahaan tersebut dapat dikembangkan lagi.

"Di Labuan kita amat kekurangan bekalan dan pengusaha madu kelulut. Ini amat merugikan kerana permintaan terhadapnya amatlah tinggi. Jadi, saya menyeru kepada anak muda di luar sana untuk menceburi bidang ini dan saya sedia memberikan tunjuk ajar dan panduan yang diperlukan," ujarnya. 📞



DURIAN dan kedondong antara tanaman di kebun kelulut.



ABBAS (kanan) menunjukkan hasil madu kelulut ternakannya.



AWAS SISI GELAP MEDIA SOSIAL

KEMAJUAN sains dan teknologi telah membawa perubahan yang sangat besar dalam semua aspek kehidupan manusia. Teknologi juga telah merubah cara manusia berhubung. Pada masa kini, pelbagai bentuk media sosial boleh diguna untuk berkomunikasi dan berinteraksi.

Menurut laporan ExplodingTopics.com, 10 media sosial yang paling ramai pengguna pada tahun 2024 adalah Facebook, YouTube, WhatsApp, Instagram, TikTok, Wechat, Messenger, Telegram, Viber dan Snapchat. Urutan tersebut ialah berdasarkan jumlah pengguna dan data trafik yang diukur secara bulanan.

Meltwater.com turut melaporkan pada tahun 2024, Malaysia merekodkan 28.68 juta pengguna media sosial. Manakala media sosial yang paling popular di Malaysia ialah WhatsApp, TikTok, Facebook, Instagram, Twitter, Xiaohongshu, Telegram, Wechat, Pinterest dan Discord.

Memetik laporan Statista.com pada 4 Jun 2024, sehingga suku ketiga 2023, rakyat Malaysia menghabiskan masa selama 2 jam 48 minit (purata sehari) menggunakan media sosial, yang mana ia menunjukkan sedikit kenaikan dari tahun sebelumnya iaitu 2 jam 47 minit. Kesemua data ini menunjukkan dengan jelas betapa besarnya pengaruh media sosial dalam kehidupan kita semua. Ia seolah-olah sebahagian daripada kehidupan kita yang tidak mungkin dapat dipisahkan.

Dalam kehairahan kita menyambut baik kepesatan pembangunan media sosial, kita tidak seharusnya lupa sisi gelap media sosial dan kesan buruk yang boleh berlaku andai kita tersalah langkah dalam menggunakannya. Dalam kita meraikan penggunaan media sosial seharusnya kita tidak lupa batas-batas adab dan toleransi yang dianjurkan oleh agama dan adat ketimuran kita. Agama Islam sebagai contoh mengharuskan penggunaan media sosial untuk tujuan kebaikan, namun suruhan menjaga adab dalam apa juga urusan seharian kita tetap dituntut.



Akhir-akhir ini, banyak hantaran-hantaran video yang tidak sewajarnya disajikan kepada umum viral di media sosial. Ada video yang mempertontonkan pertengkaran dan perang mulut, pergolakan rumah tangga, perlakuan yang jelik dan memalukan, berpakaian mencolok mata dan ditonton sehingga ratusan ribu kali. Ditambah pula dengan kandungan komen yang tidak sewajarnya yang ditinggalkan pada setiap video, sama ada berbentuk ejekan, sindiran, penghinaan dan lain-lain lagi ayat yang mengaibkan tentunya akan meninggalkan

kesan negatif, bukan sahaja kepada yang menghantar, tetapi juga yang menontonnya.

Isu sebegini mesti dibendung untuk memastikan rakyat Malaysia menggunakan media sosial secara berhemah dan menghalang penularan elemen-elemen yang boleh memberi kesan terhadap keperibadian kita. Di Malaysia, usaha Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) membendung penyebaran hantaran-hantaran sebegini dari semasa ke semasa seharusnya dipuji. Sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab, MCMC

komited untuk meningkatkan literasi digital rakyat dengan memberi kesedaran terhadap penggunaan media sosial yang sihat dan tidak menyalahgunakan platform tersebut untuk tujuan yang tidak wajar dan melanggar undang-undang.

Penggunaan media sosial yang sejajar dengan syariat juga berkait rapat dengan pembangunan peribadi individu. Pengguna media sosial mestilah mempamerkan tingkah laku yang baik semasa menggunakan media sosial dan pada masa yang sama boleh mempengaruhi pengguna yang

lain untuk sama-sama menjadi pengguna yang berkeperibadian baik juga.

Antara tingkah laku yang baik termasuklah peka dengan sensitiviti masyarakat yang berbilang agama dan budaya, menghormati perbezaan pendapat dan nilai dalam membincangkan sesuatu isu dan beradab setiap kali membuat hantaran atau meninggalkan komen di media sosial.

Pengguna media sosial juga seharusnya sedar yang pengaruh media sosial sangatlah besar dan setiap apa yang dikongsi akan memberi impak kepada pengguna yang lain dan berpotensi mengubah sesuatu kepada yang lebih baik atau lebih buruk. Menyedari sifat media sosial yang berpengaruh, ia menjadi medium terbaik untuk memulakan sesuatu aliran yang positif dan bukan sebaliknya.

Hantaran yang boleh memberi pengajaran dan pelajaran, ibrah dan tazkirah, panduan dan bimbingan, inspirasi dan motivasi ke arah kebaikan akan menyokong pembangunan peribadi yang sihat dan sangat dialu-alukan. Manakala hantaran yang membuka aib, memfitnah, mengutuk, menghina dan menjelikkan akan memberi kesan buruk bukan hanya kepada keperibadian seseorang, tetapi juga pemikiran, kepercayaan, persepsi, bahkan keseluruhan elemen pembentukan diri.

Walaupun diakui hiburan adalah tujuan utama penggunaan media sosial pada masa kini, ia bukanlah tujuan utama penggunaan media sosial. Ajaran agama Islam sendiri tidak melarang umat Islam daripada mencari hiburan untuk diri mereka namun hantaran bersifat hiburan mestilah tidak bercanggah dengan syariat, tidak melalaikan dari tanggungjawab seorang Muslim dan mestilah sederhana sifatnya.

PENULIS Profesor Madya Dr Sueraya Che Haron merupakan Pensyarah Jabatan Bahasa dan Literasi, Fakulti Pendidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Semak kesahihan sebelum sebar

PENGGUNA perlu bijak menyemak sebarang berita di media sosial untuk memastikan kesahihannya bagi mengelak sebarang salah faham sehingga mampu mencetuskan rusuhan seperti yang berlaku di United Kingdom (UK).

Menurut Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), **Profesor Madya Datuk Dr Mohamed Azam Mohamed Adil**, perkongsian maklumat sahih tanpa bersikap terburu-buru

dalam menyebarkan semua jenis informasi yang diterima di media sosial penting bagi menghormati batas sensitiviti pihak lain.

"Dalam masa sama, kebebasan bersuara mutlak juga tidak seharusnya dibenarkan dalam sesebuah negara yang mempunyai pelbagai kaum dan agama kerana sebarang fitnah tidak munasabah boleh memecah-belahkan mereka.

"Meluahkan perasaan itu perlu ada hadnya. Di Malaysia, kita

ada limitasi dan had. Kalau kita beri kebebasan yang mutlak sepertimana di Barat dengan suasana multietnik dan agama, ia akan menyebabkan keadaan yang tidak boleh dikawal kalau berlaku sedikit salah faham.

"Sebab itu kita ada sekatan dari segi undang-undang dan akta. Kita nak jaga keharmonian dalam negara," katanya dalam Program Ruang Bicara terbitan Bernama TV baru-baru ini.

Mohamed Azam juga menasihati

pempengaruh media sosial supaya bertanggungjawab dengan hanya menyebarkan perkara yang baik tanpa menimbulkan kontroversi mahupun kebencian antara orang lain.

"Kadangkala ada segelintir pempengaruh yang tidak bertanggungjawab ataupun digunakan oleh pihak-pihak tertentu mengulas tentang sesuatu isu seolah-olah mereka mempunyai kepakaran dalam semua perkara," ujarnya.

Sebelum ini, media melaporkan penyebaran maklumat salah di media sosial menjadi antara faktor utama berlaku rusuhan berterusan di beberapa bandar di UK sehingga mencetuskan pertempuran ganas sejak beberapa minggu lepas.

Susulan itu, Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan menasihati rakyat Malaysia agar tidak berada di lokasi yang dijangka menjadi sasaran dan sentiasa berhubung dengan pejabat kedutaan untuk mengetahui keadaan mereka. 🇲🇾



DUA KERJA DALAM SATU MASA

AINI MAWAWI

BAK kata orang, jika ingin hidup senang maka kita perlu rajin bekerja lebih-lebih lagi ketika usia masih muda. Tak salah membanting tulang dan tenaga demi kehidupan lebih terjamin bersama insan tersayang.

Mengakui hal tersebut, gitaris kumpulan Kristal, **Rody**, 37, rela mengetepikan penat lelah melakukan dua kerja dalam satu masa untuk mencari pendapatan sampingan.

Kongsinya kepada Wilayahku, biarpun sibuk dengan karier dalam bidang seni namun dia tetap mencuri waktu untuk berniaga memandangkan dunia hiburan ada pasang dan surutnya.

Memilih untuk berniaga minuman di bawah label Warong Kopi dan Bootik, perniagaan yang diusahakan sejak Ogos 2022 mempunyai permintaan yang tinggi terutamanya dalam kalangan penggemar kopi.

“Sebenarnya idea tersebut teretus kerana saya sendiri seorang pencinta kopi. Jadi dari situ saya terfikir, kenapa tidak berkongsi kopi kegemaran saya dengan orang lain. Bayangkan masa mula berniaga, untuk air kopi espresso, saya buat eksperimen sendiri.

“Alhamdulillah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan lebih-lebih lagi air tersebut diberi nama berdasarkan lagu-lagu popular Kristal antaranya Delaila, Seragam Hitam dan Kopi Maznah,” ujarnya.

Dengan harga yang berpatutan serendah RM7, saya mendapat maklum balas yang sangat menggalakkan di mana rata-rata pelanggan menyifatkan harga tersebut murah dan berbaloi.

“Konsep saya berniaga mudah, kepuasan pelanggan merupakan keutamaan saya kerana dalam



bidang perniagaan makanan dan minuman, itu adalah kunci yang paling utama. Jika tak sedap, orang tak akan datang untuk kali yang kedua.

“Sekarang ini saya aktif berniaga di Pasar Saloma setiap minggu yang popular dengan tema 1950-an dan 1960-an selain turut membuka kios atas permintaan,” ujarnya ketika ditemui di Menara Seri Wilayah, Putrajaya baru-baru ini.


Bercerita lanjut tentang jatuh bangun dalam bisnes, Rody mengakui ketika awal berniaga dia pernah membuka kafe di Kajang namun agak sukar untuk bertahan atas pelbagai faktor.

“Pendapatan biasa-biasa sahaja tetapi boleh dikira agak *struggle* tambahan pula saya

baru mula berjinak-jinak dalam perniagaan berbanding dengan kios yang lebih mendapat perhatian pelanggan. Jadi dari situ saya ambil keputusan untuk menutup kafe dan beri tumpuan kepada kios.

“Insyaa-Allah suatu hari nanti jika sudah stabil dan banyak pengalaman, saya ada impian juga untuk buka semula kafe sebab minat berniaga ini tidak pernah luput,” ujarnya.

Dalam masa yang sama, dia sempat berpesan kepada golongan muda di luar sana agar mudah putus asa dan takut untuk mencuba sesuatu yang baru kerana rezeki ada dimana-mana.

“Dalam keadaan ekonomi hari ini, tak salah untuk buat dua kerja dalam satu masa bagi menambah pendapatan sampingan agar hidup lebih tenang dan tidak terhimpit dengan beban kewangan,” nasihatnya. 



PAPADOM kini boleh didapati di Book Capital Mall, Kota Buku.

Boleh juga tebus baucar DELIMA untuk **PAPADOM**.

harga **RM19.90**





SENJA DI BERANDA MASJID JAMEK


KU SEMAN KU HUSSAIN

SUATU senja malam minggu beberapa hari lalu saya berlama-lama di beranda Masjid Jamek Kuala Lumpur sambil melihat matahari pulang ke bingkai malam. Senja yang berkaca jingga itu indah dengan imej siluet bangunan pencakar awan berselang-seli neon yang mulai menyala. Aliran air Sungai Kelang yang paling hampir dengan masjid itu agak kuat dan tenggelam timbul dalam deru kereta di sekitarnya.

Lebih kurang 100 meter di depan ada persimpangan yang mempertemukan Sungai Kelang dengan cabangnya, Sungai Gombak. Pertemuan dua sungai itu menjadi lokasi yang ikonik di Kuala Lumpur kerana keindahan dan juga sejarahnya. Malam itu permukaan dua sungai yang membelah kota raya itu terbias oleh cahaya lampu berwarna biru yang dipasang di sepanjang tebingnya.

Menyusuri segenap urat nadi Kuala Lumpur adalah rutin saya sejak dulu. Daripada itu saya ditemukan dengan tempat atau sudut yang menarik untuk dikunjungi lagi apabila ada waktu. Sekalipun Kuala Lumpur dikenali sebagai kota batu, akan tetapi tetap terdapat alamnya yang memberikan ketenangan pada jiwa.

Di sekitar tempat itu adalah antara lokasi terindah di Kuala Lumpur, diperindah lagi dengan laluan jalan kaki serta lampu-lampu yang bukan sahaja untuk menerangi malah menambahkan pesona pada waktu malam.

Dulunya, 10 atau 20 tahun lalu, Sungai Kelang dan Sungai Gombak turut membawa sampah yang hanyut dari hulu. Ada kala ketika airnya mengalir lesu, sampah sarap itu terapung dan memberikan pemandangan yang kurang indah. Bagaimanapun kini keadaan sudah berubah, sekalipun airnya keruh tetapi tidak membawa sampah.

Beberapa kali juga saya berpengalaman melihat kedua-dua sungai itu mengganas dengan aliran air yang banyak dan sangat deras. Kemudian menjadi tidak tertampung dan melimpah ke tebing menjadi banjir kilat. Deruan air yang ganas itu juga pernah mengorbankan nyawa mangsa yang terjatuh di situ.

Demikianlah apabila alam berbicara tentang kegelojohan segelintir manusia yang mengganggu ekosistemnya dengan pembangunan yang tidak diselarakan tanggungjawab pada keperluan manusia untuk jangka yang panjang. Banjir kilat yang menjadi antara masalah utama di Kuala Lumpur sebahagian faktornya disebabkan oleh sikap manusia termasuk menjadikan sungai sebagai 'tong sampah.'

Daripada pengalaman peribadi, sekalipun sudah lebih 40 tahun



PEMANDANGAN senja nan indah di sekitar Masjid Jamek yang berusia 115 tahun. - Gambar hiasan

menjadi warga Kuala Lumpur, akan tetapi sentiasa terasa seperti 'pendatang baharu' apabila menyusur beberapa tempat di Kuala Lumpur. Salah satunya di sekitar pertemuan dua sungai berdekatan Masjid Jamek.

Malah kedua-dua sungai yang bertemu di belakang Bangunan Sultan Abdul Samad itu mempunyai sejarah khususnya mengenai sebuah pekan lombong bijih timah yang dikenali sebagai Kuala Lumpur. Pekan yang dulunya dibuka oleh Sutan Puasa, pemimpin masyarakat Mandailing kini menjadi pusat perdagangan dan ekonomi terbesar negara ini.

Sebenarnya di pertemuan dua sungai itu yang mewujudkan Kuala Lumpur sebagai pusat perlombongan bijih timah pada sekitar 1800-an. Selebihnya ada signifikan dengan sejarah negara ini misalnya Dataran Merdeka yang dulunya Padang Kelab Selangor yang menyaksikan turunnya bendera penjajah, Union Jack dan diganti dengan bendera Persekutuan Tanah Melayu pada pukul 12.01 malam 31 Ogos 1957.

Pelancong yang berpusu-pusu datang dengan bas persiaran ke Dataran Merdeka melimpah ke kawasan di sekitar lain termasuk di pertemuan Sungai Kelang dan Sungai Gombak. Di situ ada Masjid Jamek yang berusia 115 tahun, dibina

oleh pedagang India Muslim yang bermastautin di sekitar kawasan berkenaan. Malah menjadi antara mercu tanda Islam kedua terawal di Kuala Lumpur selepas Masjid India yang berusia 161 tahun.

Bahagian hulu Sungai Kelang bermula di Genting Kelang, Gombak yang bersempadan dengan Pahang, kira-kira 25 kilometer di timur laut Kuala Lumpur. Sungai yang panjangnya 120 kilometer itu berpecah kepada 11 anak sungai utama iaitu Sungai Gombak, Sungai Batu, Sungai Kerayong, Sungai Damansara, Sungai Keruh, Sungai Kuyoh, Sungai Penchala dan Sungai Ampang. Sungai Kelang mengalir ke arah barat ke lautan di Selat Melaka.

SEJARAH TERCIPTA

KETIKA zaman penjajahan, Kuala Lumpur menjadi pusat pentadbiran British di Selangor selain kawasan perlombongan bijih timah. Tinggalan sejarah itu boleh disaksikan hingga kini dengan berdirinya Bangunan Sultan Abdul Samad, Perpustakaan Kuala Lumpur, Muzium Tekstil, Kelab DiRaja Selangor serta beberapa bangunan lain di sekitar kawasan berkenaan. Semua bangunan itu menjadi pejabat pentadbiran British di Selangor.


Sungai Kelang pernah menjadi satu-satunya laluan mengangkut bijih timah dari Kuala Lumpur

Kelang sebagai satu-satunya lebuhraya yang memintas hutan belantara. Tongkang-tongkang besar dan kecil digambarkan bertali arus menghilir dan memudik Sungai Kelang. Menghilir membawa bijih timah dan memudik pula membawa barang dagangan ke Kuala Lumpur.

Sebenarnya tidak dapat dipastikan sebanyak manakah warga Kuala Lumpur sudah menikmati keindahan sekitar sebahagian tapak projek River of Life yang mengubah wajah tempat berkenaan menjadi indah dan menenangkan itu. Atau mungkin juga pelancong luar negara lebih banyak yang sudah menikmati keindahan kawasan itu sekali gus menyusuri sejarahnya berbanding warga Kuala Lumpur sendiri.

Ketika menyusur dengan berjalan kaki dari Masjid Jamek ke Central Market kemudian melintas jambatan yang menghubungkan Dayabumi dengan Central Market dan balik semula ke Masjid Jamek di Jalan Tun Perak melalui belakang Bangunan Sultan Abdul Samad, kilauan sejarah dan masa kini silih berganti. Air sungai yang bermanik-manik apabila terbias cahaya lampu jalan memberi kesan yang indah di sebalik sejarah luka apabila hasil bumi kita dijarah penjajah.

Malam itu, di pertemuan Sungai Gombak dan Sungai Kelang saya menghantar ke perdu sejarah awal Kuala Lumpur. Generasi yang membuka pekan Kuala Lumpur tidak dapat membayangkan bandar raya itu seperti yang kita saksikan hari ini. Di sebalik gemerlapan dan suasana yang indah, sejarah tetap menjadi guru, selalu mengingatkan kita supaya mengambil iktibar daripada masa lalu. Sekalipun kita tidak boleh mengubah sejarah, akan tetapi kesedaran terhadap sejarah boleh mengubah masa depan.



Sebarang maklumat berhubung **Editorial Wilayahku**, sila hubungi alamat tertera: **Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.**
Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com

HANNAH YEOH DAN OLIMPIK



ZULKIFLI SULONG

OLIMPIK Paris telah berlalu. Selepas ini Los Angeles, California, Amerika akan menjadi tuan rumah Olimpik 2028. Sebagaimana tahun-tahun yang lepas, Malaysia pulang tanpa emas. Ekoran itu, ramai yang menghalakan serangan kepada Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh. Hannah yang bermula baik ketika mula menjadi menteri kini menjadi sasaran kemarahan.

Padahal, ini bukan kali pertama Malaysia gagal membawa pulang emas dari Olimpik. Paling baikpun Malaysia hanya membawa pulang pingat perak.

Namun, Hannah terpaksa berdepan dengan kecaman teruk kerana beliau menjadi Menteri Belia dan Sukan ketika media sosial menjadi media utama atau media arus perdana.

Ketika ini semua orang bebas mengeluarkan pendapat. Semua orang boleh menjadi wartawan dan editor kepada media atau lebih khusus media sosial.

Kegemilangan Hannah sebagai menteri mula terganggu apabila kepakaran yang diperlukan oleh suami beliau dikatakan mendapat kontrak dari Kerajaan Negeri Selangor.

Padahal, hanya dua syarikat sahaja di Malaysia yang mempunyai kepakaran yang diperlukan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam melaksanakan projek untuk rakyatnya itu.

Namun oleh kerana salah seorang pemilik syarikat itu suami beliau, Hannah diserang. Kononnya berlakunya pilih kasih dan kroni



HANNAH (empat kiri) bersama sebahagian atlet negara ke Olimpik.

dalam pemberian kontrak atau projek itu.

Serangan kepada Hannah meningkat ketika negara membuat persiapan untuk Olimpik Paris kali ini. Ia bermula dengan pakaian rasmi untuk peserta Olimpik Paris 2024.

Walaupun keputusan tentang baju itu terletak kepada Majlis Olimpik Malaysia (MOM), namun Hannah menjadi sasaran serangan. Padahal di sana ada Presiden MOM, Tan Sri Norza Zakaria. Ada juga Chef de Mission Malaysia, Datuk Hamidin Mohd Amin. Kedua-duanya sepatutnya menjadi sasaran.

Memang Norza selaku Presiden MOM teruk juga kena apabila terlibat anak dan isteri beliau juga kelihatan di Paris. Jawapan Norza

bahawa beliau ada kouta untuk berbuat demikian menaikkan darah para netizen ketika pemain yang berjuang untuk negara tidak boleh membawa orang-orang utama untuk membantu mereka memberikan pingat untuk negara.

Namun kesilapan fatal untuk Hannah adalah apabila beliau bergambar dengan pemain badminton dari Thailand yang mendapat pingat emas Olimpik kali ini. Ia berlaku ketika penyokong pemain Malaysia, Lee Zii Jia masih bersedih apabila beliau kalah kepada pemain Thailand itu di peringkat separuh akhir. Hannah dianggap tidak sensitif dengan sentimen ini.

Kini Olimpik Paris telah berlalu.

Walaupun Hannah berduka ekoran serangan ini, beliau tidak perlu rasa bersalah sepenuhnya di atas apa yang berlaku di Paris.

Benar kata Datuk Hamidin, ketua pasukan Malaysia ke Olimpik, walaupun kita gagal mendapat pingat tetapi kebanyakan atlet negara telah menampilkan peningkatan dalam temasya sukan terbesar dunia ini.

Hannah dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) perlu bermula sekarang untuk membawa Malaysia ke puncak. Hannah mempunyai ciri-ciri khusus yang banyak untuk membolehkan beliau membina legasi sendiri selepas tidak lagi menjadi menteri nanti.

Saya setuju dengan kawan

saya Norman Radzuan yang mencadangkan agar Malaysia membuat perancangan strategik untuk membawa pulang emas dalam Olimpik akan datang.

Malaysia tidak boleh bertanding dengan negara-negara maju seperti Amerika, China, Australia, Jerman atau Rusia dalam sukan-sukan utama yang menjadi tumpuan dunia. Bola sepak, olahraga dan seumpamanya bukan kemampuan kita untuk berlawan dengan mereka.

Indonesia menunjukkan contoh yang baik dalam hal ini. Tiba-tiba saja kita mendengar tentang sukan panjat dinding yang membolehkan pemain Indonesia membawa pulang pingat emas untuk negaranya.

Sahabat saya Norman mencadangkan agar sukan memanah dan menembak dipilih oleh Malaysia untuk diberikan tumpuan. Beliau mencadangkan sukan memanah diajar sejak dari sekolah lagi kerana sekarang ini ramai yang berminat dengan sukan memanah ini.

"Ketika ini dalam acara memanah, peserta negara ke Olimpik adalah mereka yang dihantar keluarga untuk belajar memanah. Sedangkan begitu ramai bakat-bakat semula jadi yang tertinggal," kata Norman, bekas editor akhbar.

Selepas apa yang berlaku, Hannah perlu menarik nafas panjang-panjang dan mengatur langkah yang perlu demi negara. Buangkan kekesalan jauh-jauh. Tidak perlu jawab semua kritikan yang diberikan, tetapi jawab dengan tindakan dan perancangan strategik.

Go Hannah. Malaysia Boleh!

PENULIS sekadar memberikan pandangan bukan untuk memperlekehkan sesiapa.

Banteras kegiatan curi air



Kadar istimewa kompaun

SEPANDAI-PANDAI tupai melompat akhirnya jatuh ke tanah. Walaupun sudah setahun bermaharajalela mencuri air melalui penyambungan paip secara haram, akhirnya dapat dikesan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) ekoran aduan Air Selangor, yang mendapat maklumat daripada orang awam.

Bertindak atas aduan tersebut, SPAN memotong sambungan paip haram di tapak pembinaan projek pengangkutan awam di Taman Melati, Kuala Lumpur, baru-baru ini. Kes mencuri ini turut dikesan di Serendah, Selangor, juga di tapak pembinaan projek sama.

Kawan-kawan Kedai Kopi difahamkan air curi ini disalurkan ke rumah pekerja pembinaan untuk kegunaan mereka. Selain itu disimpan dalam tangki dan

digunakan untuk tujuan pembersihan kenderaan yang keluar masuk kawasan pembinaan.

Kenapa mencuri? Bayangkan kegiatan ini sudah berjalan setahun. Sejumlah 175,000 meter padu air dicuri di Taman Melati dan 75,000 meter padu di Serendah. Kerugian yang ditanggung oleh Air Selangor mencecah RM410,000.

Berasas kepada laporan sebelum ini, kegiatan mencuri air oleh kilang-kilang persendirian atau di kawasan perindustrian yang diketahui menggunakan banyak air untuk operasi.

Malah dilaporkan kegiatan mencuri air juga berlaku di rumah persendirian, antaranya membuat sambungan paip dengan memintas meter. Atau mengubah suai meter bagi mengurangkan bacaan, untuk menipu.

ANDA mempunyai kompaun tertunggak dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)? Nasihat kawan-kawan Kedai Kopi bayarlah bagi mengelakkan tindakan undang-undang. Sekarang adalah masa terbaik kerana DBKL menawarkan kadar istimewa untuk saman tertunggak.

Pemberian kadar istimewa ini bermula 1 Ogos lalu sehingga 30 September sempena Hari Kebangsaan pada 31 Ogos dan Hari Malaysia pada 16 September. Bagaimana pun kadar ini hanya meliputi kesalahan berhubung lalu lintas dan kesalahan am sahaja.

Sebagai contoh bagi kesalahan lalu lintas, seperti kesalahan parkir dan lain-lain, kadar istimewa ialah RM10 untuk motosikal, RM20 untuk kereta, MPV dan lori kecil. Untuk bas dan lori pula ialah RM50.

Bagi kesalahan am seperti menjaja

atau pelesenan, kadar rata diberikan ialah RM100. Namun kawan-kawan Kedai Kopi ingin ingatkan kesalahan-kesalahan ini tidak termasuk kesalahan yang melibatkan warga asing.

Langkah DBKL bermurah hati memberi kadar istimewa ini dialu-alukan dan wajar dipuji. Ia perlu dilihat daripada sudut positif sebagai 'hadiah' Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia kepada warga kota. Langkah ini juga usaha murni DBKL menggalakkan orang ramai membayar saman.

Kerana itu warga kota wajar menyambut tawaran ini segera sebelum tempoh berakhir. Untuk kemudahan warga kota, mereka tidak perlu datang ke DBKL atau pejabat cawangan untuk membayar saman. Bayaran boleh dibuat melalui aplikasi Pay@KL. Ayuh beramai-ramai bayar kompaun tertunggak.



SCAMMER

Mungkinkah anda mangsa seterusnya?



WASPADA DENGAN PANGGILAN DARIPADA INDIVIDU TIDAK DIKENALI YANG MENYAMAR SEBAGAI PEGAWAI POLIS, MAHKAMAH ATAU MANA MANA PIHAK PENGUATKUASA



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menerima kunjungan hormat Tuan Yang Terutama (TYT) Rustam Minnikhanov, Rais (Presiden) Republik Tatarstan sempena lawatan kerja beliau di Malaysia selama dua hari.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa menerima kunjungan daripada Ketua Pegawai Eksekutif MRANTI, Datuk Wira Dr Rais Hussin Mohamed Ariff bersama delegasi baru-baru ini.



ISTERI Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail merasmikan Program Menu Sihat Perpaduan anjuran Kementerian Perpaduan Negara di Dataran Kamara Kampung Malaysia Raya.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar merasmikan Surau Al-Marjan yang bakal memberi manfaat kepada 1,446 pelajar dan guru-guru.



MENTERI Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu menerima kunjungan hormat dari Tuan Yang Terutama (TYT) Rustam Minnikhanov, Rais (Presiden) Republik Tatarstan dalam Persekutuan Rusia di Wisma Tani, Putrajaya.



MENTERI Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri melancarkan Kohort ke-5 Akademi Usahawan Wanita (AWE) di Kuala Lumpur.

Perkhidmatan teksi air

MOD PENGANGKUTAN EFISIEN

SABRINA SABRE

TASIK Putrajaya merupakan tasik buatan terbesar di Asia dengan keluasan 650 hektar adalah salah satu tarikan utama di pusat pentadbiran tersebut. Ia berperanan sebagai penyederhana iklim bagi bandar ini serta menawarkan tempat rekreasi buat para pengunjung dari dalam dan luar negara.

Justeru bagi memanfaatkan lokasi tersebut serta menonjolkan keunikan Tasik Putrajaya, bersempena Floria Diraja Putrajaya yang bakal diadakan pada 22 Ogos hingga 1 September 2024 dan sambutan Hari Kebangsaan pada 31 Ogos ini, pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) menyediakan perkhidmatan teksi air di Tasik Putrajaya sebagai salah satu alternatif untuk menggalakkan pengunjung menggunakan pengangkutan awam.

Menurut Presiden PPj, **Datuk TPr Fadlan Mak Ujud**, Tasik Putrajaya sentiasa menjadi lokasi pilihan komuniti dari dalam dan luar Putrajaya. Bagi memastikan kelancaran dan memudahkan pergerakan orang awam ke pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan itu, pihaknya akan menyediakan pengangkutan awam yang efisien buat para pengunjung.

“Berdasarkan cerapan penggunaan perkhidmatan Cruise Tasik Putrajaya, secara



TEKSI air akan membawa penumpang ke destinasi-destinasi menarik sekitar Putrajaya. Foto: FARIS AZMI/PPj

purata jumlah penumpang yang menggunakan perkhidmatan ini bagi tujuan bersiar-siar di sekitar Tasik Putrajaya berjumlah tidak kurang daripada 120,000 penumpang pada setiap tahun.

“Menerusi sambutan yang menggalakkan, perkhidmatan sebegini wajar diperluaskan lagi kepada alternatif pengangkutan air untuk memberi pilihan kepada penduduk Putrajaya bergerak dari

satu tempat ke tempat lain dengan menggunakan perkhidmatan teksi air.

“Tambahan pula pada bulan Jun 2022, Perdana Menteri Malaysia ketika itu telah merasmikan Pantai Floria iaitu pantai buatan (*sandy beach*) yang juga disokong oleh beberapa aktiviti baru di tasik seperti berkanu, bot kawalan jauh dan berenang di lokasi Anjung Floria, Presint 4.

“Sejak itu, Pengurusan PPj melihat keperluan terhadap mewujudkan perkhidmatan teksi air amat penting. Di samping sebagai pengangkutan awam, teksi air juga berperanan dalam membantu melonjakkan sektor pelancongan di Putrajaya dari sisi pandang keindahan dan fungsi Tasik Putrajaya dalam memberi perkhidmatan ekosistem bandar,” ujarnya.


Beliau berkata pada masa kini,

PPj mempunyai enam unit teksi air yang sedang beroperasi di Tasik Putrajaya.

“Sejak kebelakangan ini perkhidmatan teksi air mula menjadi salah satu alternatif pengangkutan awam di sini. Sambutan yang diterima juga sangat menggalakkan sama ada oleh warga Putrajaya ataupun pengunjung dari luar.

“Antara lokasi jeti yang menjadi perhentian adalah Jeti Taman Botani, Jeti Kelab Tasik, Jeti Monumen, Jeti Floria dan Jeti Putra. Selain sebagai mod pengangkutan, teksi air juga menjadi pilihan pengunjung untuk bersiar-siar (*joy ride*) menyusuri keunikan dan keindahan Tasik Putrajaya bersama keluarga.

“Penggunaan perkhidmatan teksi air ini akan diperluaskan lagi pada masa akan datang untuk menyokong pelaksanaan acara dan aktiviti anjuran oleh PPj seperti Hari Rekreasi Putrajaya, Pesta Air Komuniti Putrajaya dan Festival LAMPU sebelum tahun 2024 melabuhkan tirai,” ujar beliau.

Untuk rekod, Tasik Putrajaya juga telah menjadi lokasi utama bagi pertandingan sukan air sama ada peringkat kebangsaan mahupun yang bertaraf antarabangsa seperti Water Ski World Championship, Asian Canoe Championship, Putrajaya Boat Race, Formula 1 Power Boat Competition dan banyak lagi. 

‘Healing’ ke jalan Allah

MENAMPILKAN konsep *healing* yang unik dan berbeza daripada karnival-karnival lain, Kayangan Holdings Sdn Bhd bakal mengadakan penganjuran Karnival Healing de’ Masjid yang akan berlangsung di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Presint 3, Putrajaya.

Menurut Pengarah Eksekutif Kayangan Holdings, **Ahmad Fadli**, karnival yang diadakan selama tiga hari bermula 13 hingga 15 September itu menawarkan sentuhan Islamik yang unik dengan mendekatkan diri di masjid.

“Mengambil inspirasi daripada trend popular aktiviti berkhemah di tepi pantai, hutan dan air terjun, konsep ini diterapkan dalam karnival dengan sentuhan Islamik yang unik yang mana ianya adalah yang pertama di Malaysia dan hanya satu-satunya di dunia.

“Karnival bertemakan ‘Muslim Hero’ yang memperkenalkan tokoh-tokoh Islam terkemuka ini bertujuan untuk memberi pendedahan secara santai kepada semua lapisan generasi selain memberi ruang untuk komuniti pelbagai latar belakang menjalinkan hubungan

silaturahmi antara satu sama lain,” ujar beliau.

Terdahulu, karnival edisi sebelumnya yang diadakan di Masjid Teras Jernang, Bangi menerima sambutan menakjubkan dengan penglibatan hampir 10,000 pengunjung dan berjaya menarik minat pelbagai pihak untuk jaringan kolaborasi serta jemputan penganjuran di masjid-masjid lain.

“Ini secara langsung memberi impak positif terhadap penganjuran karnival tahun ini yang dijangka lebih besar dengan penglibatan pelbagai lapisan masyarakat, kaum dan budaya serta komuniti antarabangsa.

“Pelbagai aktiviti menarik bakal berlangsung antaranya Malam Berselawat dan Tausiyah yang diketuai oleh Habib Nael Ben Taher bersama Syeikh

Mahmoud Al-Wosabi dan Ustaz Syawal Nizam, Malam Puisi dan Nasyid Nusantara,” ujarnya.

Ahmad Fadli berkata akan berlangsung Program Solat Subuh Macam Jumaat bagi mengajak komuniti setempat melaksanakan solat Subuh secara berjemaah.


“Diselitkan juga acara soladiri

Fun Walk Salam untuk Palestin bersama ikon terkenal seperti Faizal Tahir dan kumpulan Mirwana.

“Dijangka kehadiran pengunjung pada edisi kali ini terdiri daripada kanak-kanak tadika berhampiran, pelajar sekolah rendah dan menengah dari empat negeri sekitar Putrajaya, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka. Ini termasuklah pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) di Malaysia serta jemputan pelajar-pelajar dari negara jiran Indonesia, Brunei dan Thailand.

“Karnival ini turut menyasarkan penglibatan kakitangan kerajaan, agensi swasta, pihak berkuasa tempatan dan pelbagai lapisan masyarakat dari seluruh negara,” ujarnya.

Beliau berkata karnival ini mendapat sokongan daripada pelbagai sektor kerajaan seperti Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya (MOTAC), Kementerian Pendidikan (KPM) Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, Islamic Tourism Center (ICM) dan Perbadanan Putrajaya (PPj).

Pihak penganjur turut berbesar hati memberi hadiah misteri kepada pengunjung bertuah yang ke-10,001, 30,001 dan 50,001. 



AHMAD FADLI



ANTARA aktiviti menarik menanti si cilik.

Olimpik Paris 2024 labuh tirai

GILIRAN LA28 LAKAR SEJARAH

SABRINA SABRE

TEMASYA Sukan Olimpik Paris 2024 melabuhkan tirai dengan penuh gemilang awal pagi Isnin di Malaysia (12 Ogos) selepas 19 hari mempamerkan aksi sukan bertaraf dunia sebelum menyerahkan baton kepada bandar tuan rumah 2028 - Los Angeles (LA28) di Amerika Syarikat.

Upacara penutupan semakin meriah apabila bintang Hollywood, Tom Cruise melakukan aksi mengagumkan dengan melompat dari bumbung Stade de France diiringi dengan persembahan penyanyi, Billie Eilish dan rapper, Snoop Dogg yang mewakili tuan rumah seterusnya.

Olimpik Paris 2024, yang secara rasmi bermula pada 26 Julai itu menyaksikan kira-kira 10,500 atlet daripada lebih 206 kontinjen bersaing dalam 329 acara daripada 32 jenis sukan di latar belakang mercu tanda kota Paris yang ikonik.

Temasya edisi ke-33 itu turut mencipta legasi baharu dengan 125 rekod Olimpik dan 32 rekod dunia dipecahkan sejak pertandingan bermula pada 24 Julai, dua hari sebelum upacara pembukaan.

Pemain golf wanita profesional negara, Ashley Lau membawa Jalur



AKSI gimik penutup Sukan Olimpik Paris 2024 yang dilakukan oleh Tom Cruise.

Gemilang mengetuai kontinjen Malaysia bersama 10 ahli termasuk Timbalan Ketua Kontinjen, Datuk Nicol David, atlet terjun, Nur Dhabitah Sabri dan Bertrand Rhodict Lises.

Selepas ucapan Presiden Jawatankuasa Penganjur Paris

2024, Tony Estanguet dan Presiden Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC), Thomas Bach, bendera Olimpik diturunkan.

Datuk Bandar Paris, Anne Hidalgo menyerahkan bendera kepada Bach yang kemudian menyerahkannya

kepada Datuk Bandar Los Angeles, Karen Bass.


Bandar California itu mengambil alih pentas utama untuk mempersembahkan apa yang mereka tawarkan apabila Sukan Olimpik diadakan pada 2028.

LA28 kemudian menghiburkan penonton di Paris melalui penstriman persembahan penuh aksi dalam segmen video dengan Tom Cruise melompat dari kapal terbang untuk membawa bendera Olimpik ke mercu tanda Hollywood.

Olimpik Paris 2024 ditutup secara rasmi selepas Bach mengisytiharkan sukan ditutup dan disusuli dengan pertunjukan bunga api yang menakjubkan. Paris seterusnya akan menganjurkan Sukan Paralimpik dari 28 Ogos hingga 8 September ini.

LA28 akan menjadi kali ketiga Sukan Olimpik diadakan di Los Angeles selepas edisi 1932 dan 1984. Amerika Syarikat juga pernah menjadi tuan rumah Sukan Olimpik di St. Louis 1904 dan Atlanta 1996.

Amerika Syarikat mengungguli Olimpik kali ini dengan mengumpul 40 emas, 44 perak dan 42 gangsa diikuti China (40-27-24), Jepun (20-12-13) dan Australia (18-19-16).

Malaysia dengan barisan seramai 26 orang atlet memperoleh dua gangsa menerusi beregu badminton lelaki, Aaron Chia- Soh Wooi Yik dan perseorangan lelaki, Lee Zii Jia serta mengakhiri kempen Paris 2024 di kedudukan ke-80. 

Penampilan terakhir



AZIZULHASNI (kiri) dilihat memotong terlalu awal sebelum derny keluar sepenuhnya daripada trek. Foto: MSN

JAGUH berbasikal trek negara, Datuk Azizulhasni Awang mungkin tidak akan meneruskan hampiran empat tahun lagi untuk menebus impian pingat emasnya di Sukan Olimpik Los Angeles 2028 (LA28).

Pelumba berusia 36 tahun itu berkata beliau berjanji kepada keluarganya bahawa Paris 2024 akan menjadi Sukan Olimpik terakhirnya selepas menjalani pembedahan jantung terbuka pada April 2022.

"Walaupun boleh terus bersaing hingga LA28 dengan menjaga tubuh badan dengan baik, saya merasakan

keperluan untuk berehat selepas menghadapi tekanan dan cabaran dalam sukan itu selama hampir dua dekad dan ingin menyerahkan baton kepada generasi seterusnya.

"Meskipun akan berusia 40 tahun, jika menjaga badan dengan baik, saya tahu pelan tindakan, apa yang perlu dilakukan, memang susah tapi saya boleh melakukannya.

"Tapi selepas pembedahan jantung, ibu, isteri dan anak-anak memaksa saya untuk bersara dan saya sudah berjanji Paris adalah Sukan Olimpik terakhir.

"Jadi, saya tidak tahu kalau


mereka bagi untuk teruskan. Pada satu ketika, saya masih mahu teruskan, ada semangat dalam diri tetapi saya percaya pada satu ketika perlu melangkah ke belakang juga. Mungkin akan berlumba untuk satu atau dua tahun lagi," ujarnya.

10 Ogos lalu, Azizulhasni tidak dapat meneruskan saingan di Paris 2024 selepas dibatalkan penyertaan pada pusingan pertama acara keirin akibat kesalahan melintas pacer.

"Setakat ini saya belum ada pelan lengkap, saya ada banyak perancangan tapi saya cuma mahu berehat, meluangkan masa bersama keluarga dan relaks terlebih dahulu," ujarnya.

Azizulhasni turut memohon maaf kepada seluruh rakyat Malaysia kerana menghampakan harapan semua untuk meraih pingat emas sulung.

Melangkah ke hadapan, Azizulhasni berkata beliau bersemangat untuk membantu atlet elit, meningkatkan atlet muda atau sebagai jurulatih tetapi belum ada rancangan lengkap lagi untuk menyumbang kembali kepada sukan selain menyiapkan Ijazah Sains Senaman Klinikalnya.

Sementara itu, beliau kecewa dengan pengadilan yang tidak konsisten dan dengan cara tertentu perkara-perkara dikendalikan di peringkat antarabangsa sukan tersebut. 



ANIQ menjadi perhatian ramai pada Sukan Olimpik Paris 2024.

Pencabar pingat

BADANG negara, Mohamad Aniq Kasdan mengakui gembira apabila sukan angkat berat mula meraih perhatian rakyat Malaysia selepas penampilan sulungnya di Sukan Olimpik Paris 2024 baru-baru ini.


Atlet kelahiran Segamat, Johor itu berkata sukan itu kini lebih dikenali terutamanya selepas dia membuktikan bahawa Malaysia mampu memberi tentangan pingat di temasya sukan terbesar dunia itu.

"Saya tak dapat pingat pun saya tengok pandangan orang ramai terhadap sukan ini sudah berbeza sekarang.

"Saya gembira sebab orang sudah nampak sukan angkat berat ini antara sukan yang boleh jadi

pencabar pingat di Olimpik," ujarnya. Mohamad Aniq turut berazam untuk menjadikan Malaysia sebagai negara yang digeruni dalam sukan angkat berat di persada antarabangsa.

"Saya mahu buktikan perkara itu di Kejohanan Dunia tahun depan, mana tahu di Olimpik Los Angeles boleh dapatkan pingat juga," ujarnya.

Mohamad Aniq menamatkan kempen di Paris pada tempat keempat dalam kategori 61 kilogram (kg) dengan mencatatkan rekod kebangsaan baharu angkatan keseluruhan 297kg iaitu 1kg mengatasi rekod kebangsaan miliknya sebelum ini. 

ISU NEGATIF MEDIA SOSIAL SEMAKIN MEMBARAH

SEMAKIN hari semakin banyak kes atau isu negatif seperti pembunuhan, curang dan buli siber yang dilihat semakin menjadi-jadi.

Susulan itu, baru-baru ini kecoh dalam media sosial apabila terdapat orang awam yang *anxiety* disebabkan isu tersebut hingga membuatkan

mereka berasa tidak selamat.

Memandangkan isu-isu sebegini sentiasa menjadi perbuatan, apakah cara untuk menghadapinya?

Wartawan Wilayahku, **DEEL ANJER** mengulas lanjut perihal tersebut bersama selebriti Wanna Ali, Niezam Zaidi dan Faiz Subri. **17**

Abaikan kritikan

PEMAIN bola sepak terkenal yang juga pemenang Anugerah Puskas Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) 2016, **Mohd Faiz Subri** memahami situasi atlet sukan Olimpik baru-baru yang diuji dengan pelbagai kecaman.

Bagi Faiz, sudah menjadi trend dan budaya apabila terdapat masyarakat suka

membuli atlet di alam siber dan melihat perkara tersebut mengganggu mental yang akhirnya boleh menyebabkan serangan panik.

"Saya faham situasi atlet Malaysia yang bertanding di Sukan Olimpik. Sudahlah mereka membawa amanah yang berat, dikedam pula tu.

"Bukan mudah sebab kecaman ini memerlukan mental yang kuat. Silap hari bulan, boleh menyebabkan berlakunya serangan panik kerana terkesan dengan kecaman negatif.

"Bagi saya, kecaman daripada netizen itu memang tidak patut, tetapi itu perkara biasa sekarang. Tak boleh nak lari. Saya pun biasa kena. Jadi buat tak tahu saja apabila dikedam," ujarnya.

Faiz turut berpesan kepada atlet yang dikedam untuk mengelakkan daripada terlalu memikirkan apa yang diperkatakan netizen.

"Abaikan saja. Terus kan fikir yang positif. Jangan sampai memberi kesan buruk seperti murung atau *panic attack*.

"Tolonglah jaga komen di laman sosial, kecaman boleh menyebabkan situasi serius yang membawa kepada penyakit mental.

"Kita nak halang netizen berkata memang tak boleh. Mereka bukannya kisah apa akan terjadi kepada atlet itu disebabkan kecaman mereka.

"Macam inilah, kecaman negatif tolak tepi ambil komen yang positif dan memberi semangat untuk perbaiki kelemahan diri.

"Sebagai pemain bola sepak dugaannya pun teruk juga, banyak kritikan yang dilemparkan. Jujur cakap, saya baca apa yang netizen komen memanglah stres. Yang positif saya ambil untuk jadikan semangat.

"Kalau komen mengarut atau maki-hamun tu, biarlah sahaja mereka. Tak payah respons apa-apa," tambahnya. **17**



Elak bersentuhan

TIDAK mahu terpalit dengan isu curang yang semakin berleluasa, pelakon jelita, **Wanna Ali** mengambil pendekatan untuk sentiasa menghormati dan menjaga batas apabila menjayakan sesebuah karya dengan pelakon yang berstatus suami orang.

Terbaharu, lakonan Wanna bersama Fattah Amin menerusi drama Lelaki Melayu Terakhir menerima maklum balas positif apabila dikatakan berjaya menghidupkan babak romantis walaupun tiada babak bersentuhan keterlaluan.

"Sebagai pelakon saya enggan melukakan hati sesiapa dan sedar diri apabila berlakon dengan suami orang.

"Kalau ada babak bersentuhan kami pasti berlakip. Saya pun tidak minta artis lelaki untuk pegang tangan kerana saya perlu menghormati statusnya sebagai suami orang.

"Apabila berlakon dengan suami orang tak boleh ada babak bersentuhan, jadi saya sangat menghormati dia, isteri dan prinsipnya," ujarnya.

Bagaimanapun pelakon berusia 27 tahun ini bersyukur penonton boleh merasai kemesraan yang dilakukan bersama pasangan dalam drama biarpun tidak bersentuhan.

"Sebelum drama terbabit mula ditayangkan di slot Akasia TV3, saya dan Fattah berdebar menantikan maklum balas penonton.

"Alhamdulillah, drama ini diterima baik oleh semua lapisan penonton yang rata-ratanya memberi maklum balas positif," ujarnya. **17**



Jaga hubungan dengan Maha Esa

PELAKON popular, **Niezam Zaidi** sentiasa menganggap dugaan dan cabaran membuatkan hidupnya lebih indah.

Pernah dikedam kerana terpalit dengan isu penyalahgunaan dadah, Niezam tidak pernah melatah malah sentiasa bersikap positif.

Bagi Niezam, apa yang berlaku dijadikan pengajaran dan terus mendekatkan diri kepada Allah agar beroleh ketenangan.

Niezam berkata hanya kembali kepada Allah hidup lebih bahagia serta terhindar daripada stres dan *anxiety* akibat kecaman.

Menurut pemilik nama sebenar Mohd Niezam Mohd Zaidi ini, dia juga memandang sisi positif terhadap kerjaya lakonannya dan akur sekiranya nama kena *banned* oleh stesen televisyen atas kesalahan dilakukan itu.

"Saya okey saja sebab itu hak mereka asalkan Allah tak *banned* saya sebab hubungan dengan Allah yang paling utama.

"Dunia ini adalah pinjaman sementara, sampai masa kita kembali pada Allah juga. Saya cuma harapkan yang baik dan atas sebab itu semua berlaku saya jadikan sebagai pengajaran hidup.

"Dengan kembali kepada

Allah, maka semangat kita menjadi kuat, jiwa lebih tenteram. Apabila kita berserah kepada Allah, maka kita boleh elak stres melampau dan kebimbangan akan sesuatu perkara," katanya.

Sebelum ini, Niezam bersama dua individu lain iaitu seorang pengarah filem dan penolong pengarah mengaku bersalah memiliki barangan terlarang selepas ditahan polis dalam satu serbuan di sebuah inap desa di Kuala Kangsar, Perak.

Pada 10 Januari 2022, Niezam didenda RM4,000 oleh Mahkamah Majistret Kuala Kangsar, Perak dan perlu menjalani pengawasan di bawah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) selama dua tahun.

Ditanya pula kesediaannya bekerjasama dengan produksi lama yang terkait kejadian hitam itu, Niezam berkata dia tidak bersikap terlalu memilih, namun terbuka sekiranya projek lakonan ditawarkan sesuai.

"Sebagai pelakon yang mencari rezeki dalam karier seni, saya terbuka bekerja dengan sesiapa saja (produksi). Ini kerana, kalau tidak terbuka maknanya saya tak lagi reda.

"Begitu juga kepada pihak produksi lama itu. Sebenarnya, mereka (produksi terbabit) ada beri saya tawaran berlakon, tapi tak tahu jadi atau tidak. Saya okey saja nak terima jika watak itu sesuai," katanya.

Mengaku kini sudah bangkit semula, Niezam berkata individu penting yang banyak memberi semangat dan sentiasa berada di belakangnya dalam susah dan senang tanpa jemu adalah bapa tersayang, Mohd Zaidi Othman, 66. **17**





DIANA AMIR

JEMA'AH tabligh merupakan gerakan mubaligh Islam yang bertujuan untuk mengajak manusia kembali ke ajaran Islam yang menyeluruh dan ia bukan merupakan sebuah kelompok ikatan (persatuan), tetapi adalah gerakan dakwah untuk mengajak Muslim menjalani agamanya dalam kehidupan dan hanya satu-satunya gerakan Islam yang tidak memandang asal-usul mazhab atau aliran pengikutnya.

Meskipun ia merupakan satu aktiviti yang menuju ke arah kebaikan, bagaimanapun ramai yang memandang ringan bahawa mereka tetap harus melaksanakan tanggungjawab lain yang utama terutama buat ahli keluarga yang ditinggalkan.

Menurut Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS), **Ahmad Atoa Mokhtar**, sebagaimana kita tahu bahawa menuntut dan menyampaikan ilmu adalah satu kewajipan, begitu juga dengan menunaikan nafkah.

“Apatah lagi meninggalkan anak, isteri dan keluarga dalam suatu tempoh yang lama maka persediaan yang sewajarnya perlu dilakukan seperti memastikan tempat tinggal anak, isteri dan keluarga dalam keadaan selamat serta terjaga keselamatannya, makan minum yang mencukupi dan juga memastikan perasaan kasih sayang sentiasa terhubung walaupun batas jarak yang jauh dan masa yang lama tetapi kasih sayang dan kerinduan itu tetap terhubung antara satu sama lain,” ujarnya kepada Wilayahku.

Ahmad Atoa berkata antara kebaikan menyertai jemaah tabligh adalah ia merupakan satu

Hanya kerana seorang dua buat hal

USAH PUKUL RATA

sudut gerak kerja dakwah amar makruf nahi mungkar yang juga membuatkan seseorang individu itu belajar untuk mengorbankan harta dan masa untuk agama serta dapat belajar memperbaharui iman.

“Lazimnya individu yang menyertai tabligh akan mengalami perubahan ke arah kebaikan setelah mengikuti jemaah tersebut dalam satu tempoh tertentu, bagaimanapun Ahmad Atoa berkata tidak dinafikan masih terdapat kelompok kecil yang

mungkin berlaku sebaliknya.

“Untuk menjawab mengenai isu tersebut ia berbalik kepada niat dan usaha individu tersebut dalam proses ta’lim dan tarbiyah. Apa pun hidayah itu milik Allah dan janganlah kerana hanya segelintir kelompok itu, kita memukul rata bahawa semua jemaah tabligh akan berkelakuan sama kerana masih ramai yang berpegang teguh dengan ajaran Islam,” ujarnya.

Mengulas tentang berita yang tular melibatkan dua wanita yang mendedahkan diri mereka dianiaya oleh bekas suami yang juga merupakan salah seorang jemaah tabligh, Ahmad Atoa berkata tidak

dinafikan akhir-akhir ini cerita orang agama sentiasa menjadi perhatian media.

“Tambahan pula dengan perkembangan teknologi di mana semua berita atau video disebar dengan cepat dan orang ramai dapat membuat kesimpulan sendiri tanpa mendapatkan penjelasan daripada kedua-dua belah pihak.

“Tatkala menyaksikan ujian orang lain yang melibatkan keaiban dirinya, kita sepatutnya memohon keampunan kepada Allah SWT agar Dia mengampuni serta menutup keaiban diri. Rasulullah SAW antara lain mengajar doa yang maksudnya: *Ya Allah! Tutupilah aibku dan berilah*

ketenteraman di dalam hatiku. (Hadis Riwayat Ahmad)

“Pada masa sama, setiap diri yang melihat ujian orang lain perlu mengambil pengajaran daripadanya agar tidak terjebak dalam ujian yang sama.

“Apa yang saya boleh tekankan adalah berbuat baik kepada isteri itu perintah Allah dan Rasul, wajib untuk kita yang beriman menurut perintah tersebut. Jemaah atau tidak jemaah, yang pasti kita semua tiada jaminan terhindar daripada salah dan silap termasuk orang agamawan.

“Yang halal itu jelas, yang haram itu juga jelas. Apa pun kita mohon kepada Allah supaya agama tidak menjadi bahan fitnah daripada orang Muslim itu sendiri. Kesilapan hari ini mungkin berlaku pada orang lain, kita tidak tahu esok lusa giliran kita pula diuji oleh Allah. Jika benar apa yang dilakukan semoga Allah mengampunkan dosanya dan kita minta petunjuk hidayah Allah agar kita terhindar daripada perbuatan tersebut,” ujarnya.

Tambahnya lagi, walau bagaimanapun tindakan sang isteri untuk mendedahkan aib bekas suaminya itu adalah tidak betul sama sekali walau apa pun alasannya.

“Sangat tidak wajar pengaduan tersebut dibuat di khalayak ramai kerana ia sudah dikira sebagai membuka aib. Dalam Islam tidak dibenarkan kita membuka aib suami atau isteri mahupun sesiapa sahaja.

“Dalam kes seperti ini semestinya pengaduan hanya kepada pihak yang berwajib sahaja agar dapat diselesaikan secara baik akan tetapi sudah menjadi lumrah warganet untuk berkongsi semua perkara di laman sosial di mana ini merupakan trend yang tidak mematuhi syarak,” tegasnya.



AHMAD ATOA



LAZIMNYA individu yang menyertai tabligh mengalami perubahan ke arah kebaikan bagaimanapun masih terdapat kelompok kecil yang mungkin sebaliknya. - Gambar hiasan

SERTAI SALURAN TELEGRAM

UNTUK INFORMASI TERKINI!

IMBAS KOD QR